




**UNIVERSITI
MALAYA**



BUKU PANDUAN SARJANA MUJDA EKONOMI



**SESI
AKADEMIK
2015/2016**



***Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran
Universiti Malaya***

Butiran lengkap boleh merujuk di laman web: <http://fep.um.edu.my>

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	Muka Surat
Akademik Kalender	2
Kata Aluan	3
Latarbelakang Fakulti	4
Universiti Malaya: Visi, Misi, Polisi Kualiti dan Nilai Teras	5
Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran: Visi, Misi dan Objektif Kualiti	6
Objektif Fakulti dan Jabatan	7
Program Sarjana Muda Ekonomi: Visi, Misi, Matlamat Program dan Hasil Pembelajaran Program	8
Kakitangan Pengurusan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran	9
Kakitangan Akademik	10-13
Kakitangan Pentadbiran dan Sokongan	14
Sarjana Muda Ekonomi: Pengenalan dan Syarat Kemasukan	15
Syarat Kemasukan	16-18
Garis Panduan Pengecualian Kredit dan Pemindahan Kredit	19-21
Skim Penggredan	22-23
Struktur Program	24-25
Senarai Kursus Universiti/Kursus Teras Fakulti	26
Senarai Jurusan Dan Kursus Elektif Yang Berkaitan	27-28
Cadangan Struktur Pengajian, Sesi 2015/2016	29-30
Tawaran Kursus oleh Unit Bahasa, Fakulti Bahasa dan Linguistik	31
Jadual Tawaran Kursus Fakulti Sesi 2015/2016	32-36
Kemahiran Insaniah dan Sistem Penasihat Akademik	37
Pro-forma Kursus	38-123
Direktori Kakitangan Pengurusan dan Pentadbiran	124-125
Direktori Kakitangan Akademik	126-130
Larangan Terhadap Plagiarisme	131
Peraturan Makmal Komputer	132
Kemudahan Asas	133
Anugerah Pelajar	134
Plan Lantai Fakulti	135-136

**KALENDER PENGAJIAN
SESI AKADEMIK 2015/2016**

Semester I

Haluansiswa	1 minggu	01.09.2015	-	06.09.2015
Kuliah	9 minggu*	07.09.2015	-	06.11.2015
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu*	07.11.2015	-	15.11.2015
Kuliah	5 minggu	16.11.2015	-	18.12.2015
Minggu Ulangkaji	1 minggu*	19.12.2015	-	27.12.2015
Peperiksaan Semester	3 minggu*	28.12.2015	-	16.01.2016
Cuti Semester	5 minggu*	17.01.2016	-	21.02.2016

25 minggu

Semester II

Kuliah	7 minggu	22.02.2016	-	08.04.2016
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu	09.04.2016	-	17.04.2016
Kuliah	7 minggu	18.04.2016	-	03.06.2016
Minggu Ulangkaji	1 minggu	04.06.2016	-	12.06.2016
Peperiksaan Semester	3 minggu	13.06.2016	-	02.07.2016

19 minggu

Cuti Tahunan/ Semester Khas

Cuti	9 minggu	03.07.2016	-	04.09.2016
	atau			
Kuliah dan Peperiksaan	8 minggu	03.07.2016	-	28.08.2016

* Hari Malaysia (16 September 2015)
 Hari Raya Aidil Adha (24 September 2015)
 Maal Hijrah (14 Oktober 2015)
 Deepavali (10 Oktober 2015)
 Maulidur Rasul (24 Disember 2015)
 Hari Krismas (25 Disember 2015)

Tahun Baharu (1 Januari 2016)
 Thaipusam (23 Januari 2016)
 Tahun Baru Cina (08 & 09 Februari 2016)
 Hari Pekerja (1 Mei 2016)
 Hari Wesak (21 Mei 2016)
 Nuzul Al-Quran (22 Jun 2016)
 Hari Raya Aidilfitri (7 & 8 Julai 2016)
 Hari Kebangsaan (31 Ogos 2016)

KATA ALUAN



Selamat datang kepada semua mahasiswa/mahasiswi baru!

Tahniah di atas kejayaan anda diterima masuk ke Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran (FEP). Bagi pihak semua pensyarah dan staf, saya ingin mengalu-alukan kedatangan anda semua, bakal pemimpin dan ahli ekonomi negara. Penerimaan masuk anda ke FEP bermakna anda hanya selangkah daripada cita-cita dan aspirasi anda. Kami berharap dapat membantu dan memudahkan jalan anda semua ke arah kejayaan dalam masa tiga setengah tahun anda bersama kami.

Misi fakulti ini adalah membangunkan kecemerlangan akademik dalam bidang ekonomi dan pentadbiran. Program yang ditawarkan oleh FEP dibentuk bertujuan untuk memupuk dan mempertingkatkan pengetahuan ekonomi serta kebolehan lain yang penting dalam dunia yang sangat kompetitif masa kini. FEP telah bertapak sebagai salah satu fakulti ekonomi terulung di negara ini dan telah melahirkan ramai tokoh terkemuka seperti pemimpin negara, ahli-ahli ekonomi dan akademik yang bertaraf sedunia, dan warga korporat yang bertanggungjawab.

Proses semakan kurikulum program yang dijalankan dari masa ke semasa dengan mengambil kira pandangan setiap kumpulan berkepentingan dapat memastikan supaya semua program akademik yang ditawarkan mempunyai kandungan kontemporari dan memenuhi permintaan pasaran buruh. Program *inbound-outbound* telah diperkenalkan untuk memberi peluang kepada mahasiswa/i mendapat pengalaman menjalani kehidupan kampus di universiti-universiti asing yang bertaraf sedunia.

Tenaga pengajar FEP pula adalah antara ahli akademik yang terbaik di rantau Asia Tenggara dalam bidang ekonomi, pengajian pentadbiran dan politik, pengajian pembangunan, dan statistik gunaan. Sebahagian besar daripada mereka telah memperolehi geran penyelidikan dan perundingan antarabangsa, serta telah menerbitkan makalah di dalam jurnal berimpak tinggi. Gabungan ahli akademik yang berkaliber serta pelajar yang penuh ketekunan telah mewujudkan satu ruang yang kritis dan membina untuk wacana kesarjanaan di fakulti ini.

Buku panduan ini merupakan suatu bahan rujukan untuk maklumat mengenai kesemua program Ijazah Dasar di Fakulti ini. Ia memberi anda panduan kepada kursus, peraturan, kaedah penilaian dan skim penggredan. Sila meneliti arahan dan perkara berkaitan struktur program pengajian pilihan anda. Adalah harapan kami agar anda juga dapat menikmati suasana sosial yang sangat memberangsangkan yang ditawarkan oleh Fakulti ini.

Saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada anda dan berharap supaya anda akan mengambil kesempatan sebagai penuntut di FEP dengan sebaiknya untuk memperkayakan modal insan anda.

PROFESOR DR. NOOR AZINA ISMAIL

Dekan

LATARBELAKANG FAKULTI

Bermula sebagai sebuah jabatan di Fakulti Sastera, Universiti Malaya pada tahun 1959, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran (FEP) kemudiannya ditubuhkan pada Mei 1966 bagi memenuhi keperluan tenaga kerja demi pembangunan negara. Dengan permulaan 14 orang pelajar dan 3 orang ahli akademik yang diketuai oleh Profesor DiRaja Ungku Aziz, kini FEP telah berkembang pesat dengan bilangan pelajar seramai 1076 orang dan 58 orang ahli akademik yang terdiri daripada Profesor dan pensyarah yang terkenal di peringkat antarabangsa dalam bidang kepakaran masing-masing.

Dengan kekuatan empat Jabatan, iaitu Jabatan Ekonomi, Jabatan Pengajian Pentadbiran dan Politik, Jabatan Pengajian Pembangunan dan Jabatan Statistik Gunaan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran menawarkan program akademik di peringkat Sarjana Muda dan Pascasiswazah iaitu Sarjana Ekonomi, Sarjana Pentadbiran Awam, Sarjana Statistik Gunaan, Sarjana Pengajian Pembangunan dan Doktor Falsafah. Daripada jumlah 1076 orang pelajar, seramai 487 adalah pelajar di peringkat Sarjana Muda dan selebihnya adalah pelajar Pascasiswazah (termasuk 98 orang pelajar antarabangsa yang datang daripada pelbagai negara iaitu Indonesia, Iran, Iraq, China, Nigeria, Sudan, Pakistan, Myanmar, Kazaskhtan, Uzbekistan, Maldives, Greece, Ghana, Jepun, Somalia, Thailand, Afghanistan, Libya, Bangladesh, Korea Selatan, Syria, Mesir, Gambia dan Kanada.

FEP juga mentadbir Unit Pengajian Kependudukan (UPK) yang ditubuhkan pada 1979 sebagai sebahagian dari Projek Populasi dan Kesihatan Keluarga yang dibiayai oleh *World Bank* dan *United Nations Fund for Population Activities*. Penyelidikan dan latihan yang berkaitan dengan pengajian kependudukan dijalankan di bawah naungan UPK.

FEP terlibat secara intensif dalam meningkatkan kecemerlangan akademik melalui Kursi Tun Ismail Ali (TIAC) yang ditubuhkan pada Ogos 2000. Sehingga 31 Disember 2011, lima pemegang yang dihormati, Profesor Ronald McKinnon, Dr Yilmaz Akyuz, Tan Sri Andrew L. T. Sheng, Prof. Dr. Takatoshi Ito dan Prof. Ajit Singh telah menamatkan penggal mereka.

Untuk memulakan dan meningkatkan penyelidikan, pengajaran dan penyebaran pengetahuan berasaskan bukti dalam bidang keselamatan sosial, termasuk perlindungan kewangan warga tua, Pusat Penyelidikan Sekuriti Sosial (SSRC) telah ditubuhkan pada Mac 2011. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Malaysia telah dengan murah hati memberi dana endowmen untuk penubuhan SSRC dan untuk menubuhkan Kursi Perlindungan Kewangan Warga Tua (OAFPC) negara yang pertama di Universiti Malaya.

Pada November 2006, sebuah lagi kursi ditubuhkan iaitu Kursi Profesor DiRaja Ungku Aziz sebagai penghargaan terhadap sumbangan Profesor DiRaja Ungku Aziz dalam bidang pendidikan dan ekonomi pembangunan. Bersama dengan penubuhan kursi ini, sebuah pusat yang dinamakan Pusat Pengajian Kemiskinan dan Pembangunan (CPDS) juga ditubuhkan di fakulti ini sebagai pusat untuk kerja-kerja akademik, penyelidikan, perundingan dan bantuan teknikal dalam bidang kemiskinan dan pembangunan. Professor Jeffrey D. Sachs merupakan pemegang pertama Kursi Profesor DiRaja Ungku Aziz.

FEP telah bekerjasama dengan Persatuan Ekonomi Malaysia dalam penerbitan jurnal bertaraf antarabangsa, *Malaysian Journal of Economic Studies*(MJES). FEP juga telah menerbitkan jurnal bertaraf antarabangsa iaitu *International Journal of Institutions and Economies* (IJIE).

UNIVERSITI MALAYA

VISI

Untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang ternama di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran.

MISI

Untuk memajukan ilmu pengetahuan dan pembelajaran melalui pendidikan dan pendidikan berkualiti untuk negara dan kemanusiaan.

POLISI KUALITI

Universiti Malaya beriltizam untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, menjalankan penyelidikan dan perkhidmatan yang berkualiti, menjana ilmu pengetahuan dan meningkatkan keilmuan melalui usaha penambahbaikan berterusan untuk manfaat semua pelanggan, khususnya pelajar Universiti Malaya.

NILAI-NILAI TERAS

- Integriti
- Hormat
- Kebebasan Akademik
- Berfikiran Terbuka
- Kebertanggungjawapan
- Profesionalisme
- Meritokrasi
- Semangat Kerja Berpasukan
- Kreativiti
- Tanggungjawab Sosial

OBJEKTIF KUALITI

- Memastikan 75% pelajar ijazah dasar kecuali pelajar Ijazah Sarjana Muda perubatan dan Pembedahan (MBBS) yang tidak mengamalkan Sistem Semester mendapat PNGK 3.0 ke atas semasa pengijazahan.
- Memastikan 9% pelajar ijazah dasar mendapat PNGK 3.7 ke atas semasa pengijazahan kecuali pelajar Ijazah Sarjana Muda perubatan dan Pembedahan (MBBS) di Fakulti Perubatan dan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian yang tidak mengamalkan Sistem Semester.

FAKULTI EKONOMI DAN PENTADBIRAN

VISI

Merealisasikan Visi Universiti untuk menjadi pusat pendidikan dan penyelidikan cemerlang bagi penghasilan dan penyebaran ilmu melalui pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan dalam bidang ekonomi dan pentadbiran.

MISI

Meningkatkan kecemerlangan akademik dalam bidang ekonomi dan pentadbiran.

OBJEKTIF KUALITI

- Mensasarkan 90% pelajar ijazah dasar bagi sesuatu sesi kemasukan berjaya mendapat pengijazahan dalam tempoh maksimum yang ditetapkan.
- Mensasarkan tidak lebih 10% pelajar ijazah dasar diletakkan di bawah pemerhatian akademik berdasarkan keputusan peperiksaan akhir pada setiap semester.

OBJEKTIF FAKULTI DAN JABATAN

FAKULTI

- Menyemai semangat kewargaan yang baik, tanggungjawab sosial, profesionalisme dan integriti akademik;
- Memberi asas yang kukuh dalam teori dan amalan ekonomi dan pentadbiran;
- Menyediakan persekitaran yang merangsang kecemerlangan penyelidikan dalam bidang ekonomi dan pentadbiran; dan
- Membangunkan kemahiran kritikal dan analitikal dengan keupayaan menterjemahkan pengetahuan kepada amalan.

JABATAN EKONOMI

Menyediakan pendidikan yang komprehensif dan memperkembangkan penyelidikan dalam bidang ekonomi berdasarkan teori dan aplikasi.

JABATAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN

Menyediakan latihan dan penyelidikan dalam bidang pengajian pembangunan yang merangkumi teori, amalan dan polisi pembangunan.

JABATAN PENGAJIAN PENTADBIRAN DAN POLITIK

Menyediakan latihan dan penyelidikan pelbagai disiplin dalam pengajian pentadbiran dan politik, pengurusan sumber manusia, hubungan antarabangsa dan pengurusan bandar.

JABATAN STATISTIK GUNAAN

Menyediakan latihan dan penyelidikan dalam bidang statistik gunaan untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dalam pelbagai bidang.

PROGRAM SARJANA MUDA EKONOMI

OBJEKTIF

1. Untuk melahirkan graduan cemerlang dalam bidang ekonomi dan pentadbiran dengan menyediakan pendidikan yang terkini.
2. Untuk diiktiraf di peringkat global sebagai program yang terkemuka dalam bidang ekonomi dan pentadbiran.

MATLAMAT PROGRAM

Untuk menghasilkan graduan cemerlang yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ekonomi dan pentadbiran serta mempunyai nilai integriti, kemahiran kepimpinan, tanggung jawab sosial dan profesionalisme, supaya dapat menghadapi persekitaran yang kompetitif dan mampu menyumbang kepada pembangunan nasional dan global.

HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

Di akhir program Sarjana Muda Ekonomi, graduan dapat:

- (1) Menunjukkan penguasaan ilmu yang mencukupi dalam bidang ekonomi dan pentadbiran.
- (2) Menggunakan kemahiran praktikal dalam memproses maklumat dan menganalisis isu ekonomi dan pentadbiran.
- (3) Mempamerkan kemahiran sosial dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan alam sekitar dalam melaksanakan aktiviti ekonomi.
- (4) Mengamalkan nilai ekonomi beretika, profesionalisme dan berintegriti dalam pekerjaan.
- (5) Berkomunikasi dengan berkesan, kerja berpasukan dan mempunyai kemahiran kepimpinan.
- (6) Menggunakan kemahiran saintifik dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah ekonomi.
- (7) Menggunakan kemahiran pengurusan maklumat dan berkeupayaan untuk pembelajaran sepanjang hayat.
- (8) Menggunakan kemahiran pengurusan dan keusahawanan.

PENGURUSAN FAKULTI EKONOMI DAN PENTADBIRAN

Dekan	:	Profesor Dr. Noor Azina Ismail PhD (QUT), MStats, BSc (UNSW)
Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi)	:	Prof. Madya Dr VGR Chandran a/l Govindaraju PhD (Mal), M.Env.Econ. (UKM), B.A (UKM)
Timbalan Dekan (Ijazah Dasar)	:	Dr. Azmah Hj. Othman PhD(Mal), MPhil(Wales), MSc(Wales), BEc(Mal)
Timbalan Dekan (Penyelidikan)	:	Prof. Madya Dr. Kwek Kian Teng PhD (Monash), MEc, BEc(Mal)

Ketua-Ketua Jabatan:-

Jabatan Ekonomi	:	Prof. Madya Dr. Fatimah Kari PhD (MSU), MEc(Leicester), BEc(NUMalaysia)
Jabatan Pengajian Pembangunan	:	Dr. Lee Hwok Aun PhD (UMass), MSc (Lond), BA (Br.Col.)
Jabatan Pengajian Pentadbiran dan Politik	:	Prof. Madya Dr. Raja Noriza Raja Ariffin PhD(Nottingham), MCRP(CSUF), BA(USL)
Jabatan Statistik Gunaan	:	Prof. Madya Dr. Hjh. Rohana Jani, PhD (Macq), MSc (WVirginia), BSc (Ohio)

Pengarah:-

Pusat Pengajian Kemiskinan dan Pembangunan (CPDS)	:	Dr. Muhammad Ikmal Mohd Said PhD (UM), MSc of Art (Binghamton), Bec (USM)
Pusat Penyelidikan Sekuriti Sosial (SSRC)	:	Profesor Datuk Dr. Norma Mansor PhD (Liv), MPA (Liv), BEc (Mal)

AKADEMIK FAKULTI EKONOMI DAN PENTADBIRAN

JABATAN EKONOMI

Ketua : Fatimah Kari, PhD(MSU), MEc(Leicester), BEc(NUMalaysia)

Profesor Adjung:

YBhg. Tan Sri Andrew L. T. Sheng, LLD, BEc (Bristol)

YBhg. Datuk Dr Thillainathan Ramasamy, PhD, MSc (Lond), BA (Mal)

Profesor

Tan Eu Chye, PhD(Warwick), Mec(Mal), BSocSc(SciUMalaysia)

Profesor Madya

Yap Su Fei, PhD, MEc, BSc(Mal)

Fatimah Kari, PhD(MSU), MEc(Leicester), BEc(NUMalaysia)

Evelyn Shyamala a/p Paul Devadason, PhD(Mal), MSocSc(NUS), BEc(Mal)

Kwek Kian Teng, PhD (Monash), MEc, BEc(Mal)

Pensyarah Kanan

Roza Hazli Zakaria, PhD(NUMalaysia), MEc, BEc(Mal)

Mohamed Aslam Gulam Hassan, PhD(HiroshimaCU), PhD(Mal), MEc(Mal), BSocSc(USM), ASP(Kiel)

Zarinah Yusof, PhD(PutraUMalaysia), MEc, BEc(Mal)

Saad Mohd Said, MSc (Lond), BEc(Mal)

Santha a/p Chenayah @ Ramu, PhD(Osaka), MEc(Osaka), BEc(Mal)

Yew Siew Yong, PhD (PutraUMalaysia), MEc, BEc(Mal)

Yong Chen Chen, PhD(PutraUMalaysia), MEc, BSc(PutraUMalaysia)

Yong Sook Lu , PhD (Lancaster), MEc, BEc(Mal)

Nurulhuda Mohd Satar PhD(UWM)MEc, BEc(Mal)

Lim Kian Ping, PhD (Monash), MSc (UPM), BBA (UKM)

Tang Tuck Cheong PhD (Monash), MSc (UUM), BEc (UUM)

Hanira Hanafi, PhD (Durham), MCL, LLB (IIUM)

Nurhidayah Abdullah, PhD (Sydney), M.C.L, LL.B (IIUM), Advocate & Solicitor of High Court of Malaya (*Non-practising*)

Pensyarah :

*Chong Chin Sieng, MEc, BEc(Mal)

*Nor Hasniah Kasim, MEc(NUMalaysia), BEc(Mal)

Felo Penyelidik Kanan:

Cheong Kee Cheok , PhD (London), B.A(Mal)

Mario Arturo Ruiz Estrada, PhD(Mal), MA(Japan)

Felo SLAB/SLAI

En. Rafiq Idris, MA(Adelaide), BEc(IIUM)

Cik Nur Izzra Izzati Zulbahari, MSc(Durham), BEc(IIUM)

*Cuti Belajar

JABATAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN

Ketua: Lee Hwok Aun, PhD (UMass), MSc (Lond), BA(Br.Col.)

Profesor Adjung:

YBhg. Datin Paduka Profesor Dr. Jamilah Ariffin, PhD, MSc (Queensland), BA (La Trobe)
YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Kamal Mat Salih, PhD, MA(Pennsylvania), BA (Monash)

Profesor

Rajah Rasiah, PhD (Camb), MSocSc, BSocSc (SciUMalaysia)
M Niaz Asadullah, PhD & MSc (Oxon), MA (Dhaka), BA (Aligarh)

Profesor Madya

V.G.R Chandran A/L Gonvindaraju, PhD(Mal), M.Env.Econ. (UKM), B.A(UKM)

Profesor Madya (Pelawat)

Baskaran Angathevar, DPhil(Sussex), MSc(Middlesex), MPhil(JNU), M.A(Punjab),
M.A(Madurai)

Pensyarah Kanan

Azmah Hj. Othman, Ph.D (Mal), MPhil (Wales), MSc(Wales), BEc(Mal)
Lee Hwok Aun, PhD (UMass), MSc (Lond), BA (Br.Col.)
Mohamad Yusoff Sanusi, MA(Manc), BEc(Mal)
Sharifah Muhairah Shahabudin, PhD (Mal), MSc (UITM), BA (UC, NZ)

Pensyarah

Nur Annizah Ishak, MEc, BEc (UKM), MA (UMKC)

JABATAN PENGAJIAN PENTADBIRAN DAN POLITIK

Ketua: Raja Noriza Raja Ariffin, PhD(Nottingham), MCRP(CSUF), BA(USL)

Profesor

YBhg. Datuk Norma Mansor, PhD(Liv), MPA(Liv), BEc(Mal)

Edmund Terence Gomez, PhD(Mal), MPhil(Mal), BA(Mal)

Profesor Madya

YBhg. Datin Sabitha Marican, PhD(SciUMalaysia), MPA(Pitts), BSc(Pitts)

YBhg. Datuk Sharifuddin Zainuddin, PhD(Pitts), MPA(Pitt), BEc(Mal), DipBusStudies (UiTM)

Raja Noriza Raja Ariffin, PhD(Nottingham), MCRP(CSUF), BA(USL)

Yeoh Kok Kheng, PhD(Brad), MEd (Mal), BEc(Mal)

Beh Loo See, PhD(PutraUMalaysia), MA(NUMalaysia), BA(SciUMalaysia)

Makmor Tumin, PhD(Mal), MPA(Mal), BEc(Mal)

Pensyarah Kanan

Ali Boerhannoeddin, PhD(Mal), MPA(USC.LA), BEc(Mal)

Kuppusamy Singaravelloo, PhD (Putra UMalaysia), MPA(Mal), BSc(Mal)

Nawi Abdullah, MPA(Mal), BEc(Mal)

Muhammad Asri Mohd Ali, PhD (Mal), MPA(Mal), BEc(Mal)

Felo SLAB/SLAI

Cik Aqkillah a/p N Maniam, MPA (Mal), BscForr (UPM)

JABATAN STATISTIK GUNAAN

Ketua: Rohana Jani, PhD(Macq), MSc(WVirginia), BSc(Ohio)

Profesor

Goh Kim Leng, PhD(Monash), MEc, BEc(Mal)

Noor Azina Ismail, PhD(QUT), MStats, BSc(UNSW)

Susila Munisamy @ Doraisamy, PhD(Warwick), MSc, BSc(PutraUMalaysia), LLB(Lond)

Profesor Madya

Rohana Jani, PhD(Macq), MSc(WVirginia), BSc(Ohio)

Pensyarah Kanan

Ng Sor Tho, PhD(PutraUMalaysia), MEc, BEc(Mal)

Lau Wee Yeap, PhD(Osaka), MFE (NUS), MAppStats(Mal), MEc(Osaka), MAcc(CSU),
BSocSc(Hons)(SciUMalaysia)

Muzalwana Abdul Talib, PhD(Mal), MAppStats (Mal), BA(Hons)(Sheffield Hallam)

Ahmad Farid Osman, PhD(Monash), MSc, BAppSc(SciUMalaysia)

Tan Pei Pei, PhD(Monash), MAppStats, BEc(Mal)

Dariush Khezrimotlagh, PhD(Tech.U.Malaysia), MSc(PNUS), BSc(SBUK)

Pensyarah

Noor Ismawati Mohd Jaafar, MSc(UConn), BSc(UiTM), Dip_SA(UiTM)

Felo Penyelidik Kanan

Idris Jajri, PhD(NCarolina State), MSc(Lond), BEc(Mal)

Tey Nai Peng, MSc(Michigan), BEc(Mal)

Pakar Perunding

Tey Nai Peng, MSc(Michigan), BEc(Mal)

Felo SLAB/SLAI

Diana Abdul Wahab, MAppStats(Mal), BDecSc(NorthUMalaysia)

Lai Siow Li, MAppStats (Mal), BEc(Mal)

Ng Yin Mei, MAppStats(Mal), BEcons(Mal)

Adilah Abdul Ghapor, MAppStats(Mal), BSc(Purdue University, USA)

Asmida Mustafa, Bachelor Science Statistics (Mal)

Hannuun Eadiela Yaacob, PhD (Applied Statistics)(BioStatistic),(Sheffield, UK)

PROFESOR EMERITUS

YM Profesor Diraja Ungku Aziz Ungku Hamid

Dr. Mohamed Ariff Abdul Kareem

Dr. Stephen Chee Hong Chye

**PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
FAKULTI EKONOMI DAN PENTADBIRAN**

Penolong Pendaftar Kanan (N44) (Pentadbiran & Pembangunan)	:	Norhafizah Abdullah
Penolong Pendaftar (N41) (Ijazah Tinggi)	:	Abdul Malik Anuar
Penolong Pendaftar (N41) (Ijazah Dasar)	:	Norhasliza Abu Hasan
Setiausaha Pejabat (N28)	:	Rozlin Kasmani Fauziah Abu Hassan (KUP) Siti Alimah Makmon (KUP)
Penolong Pegawai Tadbir (N27)	:	Ayu Hamiza Hamadin
Setiausaha Pejabat (N27)	:	Farahani Md. Zain
Pembantu Tadbir (P/O)(N22)	:	Haji Mohammad Sahut Ahmad Azura Hj. Aziz (KUP) Nurul Hanies Ahmad (KUP) Noor Rasida Abdullah (KUP)
Pembantu Tadbir (P/O) (N17)	:	Damia Huda Maamor Nithya a/p Chandrasegaran Noorhalijah Ibrahim Noor Hidayah Md Zakuan Norsyazwana Hasim Nurul Firdaus Md. Haniff Nuur Ikhwan Nizal Maamor Suhaidi Kamarudin Hussin
Penolong Jurutera (JA29)	:	Razak Darus Nasrul Fawaid Anas
Juruteknik Komputer (FT22)	:	Rejandran Supramaniam (KUP)
Juruteknik Komputer (FT17)	:	
Pembantu Tadbir (Kewangan) (W17)	:	Siti Suraya Baharuddin
Operator Mesin Pemprosesan Data (F11):	:	Ahmad Jamal Roslan
Pemandu Kenderaan Bermotor (H11)	:	Norasikin Zulkarnaini
Pembantu Operasi (N11)	:	Khairul Azwan Mahayuddin Mohd Faizal Ab Rashid Shahrul Ibrahim

SARJANA MUDA EKONOMI

PENGENALAN

Program Sarjana Muda Ekonomi dirangka untuk memberikan asas yang kukuh dalam teori dan pengetahuan ekonomi serta meningkatkan kemahiran kritikal dan analitikal kepada pelajar. Kursus teras dan elektif dibentuk untuk menghasilkan graduan yang mempunyai pengetahuan yang global dan khusus. Bermula pada tahun 2015, sistem jurusan yang baru telah memberikan pilihan kepada pelajar untuk menjurus dalam salah satu daripada 4 bidang iaitu Ekonomi, Pengajian Pembangunan, Pengajian Pentadbiran dan Politik, dan Statistik Gunaan sekiranya mereka mengambil sekurang-kurangnya sembilan (9) kursus dari jurusan yang tertentu dalam tempoh pengajian mereka. Di bawah sistem ini juga, pelajar perlu menamatkan 126 jam kredit untuk mendapatkan pengijazahan.

SYARAT KEMASUKAN

Calon Tempatan

Secara amnya, calon tempatan harus memenuhi syarat am universiti dan keperluan khas program sebelum diterima masuk ke program ini. Calon mestilah mempunyai sijil berikut:

- STPM atau setaraf; atau
- Diploma UiTM atau Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oleh Senat Universiti; atau
- Matrikulasi, UM Asasi Sains atau UTM Tahun Asas.

Syarat Am Universiti

Setiap calon warganegara yang ingin mengikuti program pengajian di Universiti Malaya hendaklah memenuhi syarat am Universiti seperti berikut:

1. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/setaraf dengan baik.
2. Lulus dengan Kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia di peringkat SPM/setaraf.
3. Lulus peperiksaan STPM dengan sekurang-kurangnya:
 - a. Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am; dan
 - b. Gred C (NGPM 2.00) DUA (2) mata pelajaran lain
4. Lulus Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM/ Asasi UiTM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; atau
5. Memiliki kelulusan diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti; atau
6. Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam *Malaysian University English Test* (MUET)

Keperluan Khas Program Calon STPM atau setaraf/Matrikulasi

Kategori STPM (Sains & Sastera)

Lulus STPM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.30; dan

Mendapatkan sekurang-kurangnya Gred B+ (NGMP 3.33) pada peringkat STPM dalam salah satu (1) mata pelajaran berikut:

- Ekonomi
- Perakaunan
- Matematik S/ Matematik T / Matematik M
- Pengajian Perniagaan/Pengurusan Perniagaan
- *Further Mathematics*, dan

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut;

- Matematik, dan

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam *Malaysian University English Test* (MUET); dan

Lulus temuduga.

Kategori Matrikulasi/Asasi (Aliran Sains)

Lulus Matrikulasi/Asasi dengan sekurang-kurangnya PNGK 3.30; dan

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B+ (NGMP 3.33) pada peringkat Matrikulasi/Asasi dalam mata pelajaran berikut:

- Matematik, dan

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam MUET, dan

Lulus temuduga.

Kategori Matrikulasi/Asasi (Aliran Perakaunan)

Lulus Matrikulasi/Asasi dengan sekurang-kurangnya PNGK 3.30; dan

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B+ (NGMP 3.33) pada peringkat Matrikulasi/Asasi dalam salah satu (1) mata pelajaran berikut:

- Ekonomi
- Perakaunan
- Matematik
- Pengajian Perniagaan; dan

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:

- Matematik; dan

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam MUET; dan

Lulus temu duga.

Calon Diploma

Memiliki Diploma UiTM atau Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.30 dalam mana-mana bidang berikut:

- Diploma Perakaunan
- Diploma Pentadbiran Awam
- Diploma Pengajian Perniagaan
- Diploma Pengajian Bank
- Diploma Analisis Pelaburan
- Diploma Pemasaran; atau

Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oleh Senat Universiti Malaya dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.30; atau

Mempunyai Sijil A-Level yang diiktiraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B+ (NGMP 3.33) pada peringkat A-Level dalam salah satu (1) mata pelajaran berikut:

- Ekonomi
- Perakaunan
- Matematik
- Pengajian Perniagaan
- Matematik Lanjutan; dan

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B pada peringkat GCSE/GCE 'O' level dalam mata pelajaran berikut:

- Matematik; atau

Mempunyai Diploma International Baccalaureate yang diiktiraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam salah satu (1) mata pelajaran berikut:

- Ekonomi (Tahap Tinggi)
- Matematik (Tahap Tinggi)
- Pengajian Perniagaan (Tahap Tinggi); dan

Mendapatkan sekurang-kurangnya Gred B pada peringkat Diploma International Baccalaureate dalam mata pelajaran berikut:

- Matematik (Tahap Biasa); atau

Lulus STPM bukan tahun semasa dengan mempunyai sekurang-kurangnya PNGK 3.30 dan memenuhi syarat keperluan khas program seperti berikut:

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B + (NGMP 3.33) pada peringkat STPM dalam salah satu (1) mata pelajaran berikut:

- Ekonomi
- Perakaunan
- Matematik S/ Matematik T / Matematik M
- Pengajian Perniagaan
- Matematik Lanjutan; dan

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:

- Matematik; atau

Lulus Matrikulasi bukan tahun semasa dengan sekurang-kurangnya PNGK 3.30 dan memenuhi syarat keperluan khas program seperti berikut:

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B+ (NGMP 3.33) pada peringkat Matrikulasi/Asasi dalam salah satu (1) mata pelajaran berikut:

- Ekonomi
- Perakaunan
- Matematik
- Pengajian Perniagaan; dan

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:

- Matematik; dan

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam MUET; dan

Lulus temu duga.

CALON ANTARABANGSA

Calon bukan warganegara yang ingin mengikuti program pengajian di Universiti Malaya hendaklah mempunyai *National Higher School Certificate* dan memenuhi syarat seperti berikut:

- (i) Lulus dengan sekurang-kurangnya Gred B atau/dan 80% dalam mata pelajaran berkenaan pada tahap GCE/A-Level/setaraf; atau
- (ii) Mempunyai sekurang-kurangnya PNGK 3.00 dalam mata pelajaran berkenaan pada tahap sijil/diploma; dan
- (iii) Mengambil dan lulus kursus Bahasa Melayu dan/atau Bahasa Inggeris. Pengecualian diberi kepada calon yang mempunyai salah satu dari kelulusan berikut:
 - a. Skor TOEFL 550 (PBT), 213 (CBT) atau 80 (IBT)
 - b. Band 6 ke atas untuk IELTS
 - c. C6 ke atas untuk General Certificate of Secondary Education (O Level), University of Cambridge untuk Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
 - d. Lulus General Certificate of Education (A Level), University of Cambridge untuk Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

GARIS PANDUAN PENGECCUALIAN DAN PEMINDAHAN KREDIT

1. PENGECCUALIAN KREDIT

Tafsiran:

Pengeccualian kredit bermakna pengeccualian dari mendaftar dan mengikuti kursus yang ditetapkan untuk sesuatu program pengajian berdasarkan kursus yang diambil oleh pelajar sebelum diterima masuk ke program pengajian Universiti.

Kursus yang diluluskan pengeccualian kredit akan diberikan gred K dan kredit tidak diambilkira dalam pengiraan PNG dan PNGK namun diambilkira bagi tujuan penyempurnaan pengijazahan.

Bagi maksud pengeccualian kredit, pelajar hendaklah mengemukakan yang berikut:

- (a) Sekiranya permohonan adalah berdasarkan kelayakan peringkat Sijil Profesional/Diploma, pelajar hendaklah mengemukakan salinan Sijil Profesional/Diploma yang telah diperolehi. Kursus hendaklah dari sijil profesional/diploma/ijazah yang dianugerahkan dalam tempoh lima (5) tahun dari sesi kemasukan pelajar ke Universiti, atau
- (b) Sekiranya pelajar tidak berjaya menamatkan pengajian peringkat Ijazah Pertama maka beliau hendaklah sekurang-kurangnya telah mengikuti kursus berkenaan dengan jayanya dan mengemukakan slip keputusan peperiksaan atau transkrip separa bagi program pengajian terdahulu. Kursus hendaklah diambil dalam tempoh lima (5) tahun dari sesi kemasukan pelajar ke Universiti.

Pelajar layak memohon pengeccualian kredit **keccuali** kategori **Kursus Wajib Fakulti** yang berikut:

- (a) EIX2001-Metodologi Penyelidikan;
- (b) **Kursus Teras Ekonomi** seperti berikut:
 - i. EIA1002 Mikroekonomi I
 - ii. EIA2001 Mikroekonomi II
 - iii. EIA3001 Mikroekonomi III
 - iv. EIA1003 Makroekonomi I
 - v. EIA2002 Makroekonomi II
 - vi. EIA3002 Makroekonomi III
 - vii. EIA1004 Ekonomi Pembangunan
 - viii. EIA2003 Ekonomi Malaysia
 - ix. EIA2004 Pemikiran Kritikal Dalam Ekonomi
 - x. EIA3003 Perkembangan Pemikiran Ekonomi; dan
- (c) EIA3004 Latihan Industri

Permohonan hendaklah dikemukakan dalam dua semester pertama pengajian.

Kursus yang telah diluluskan pengeccualian kredit tidak boleh didaftar semula oleh pelajar bagi maksud mempertingkatkan PNGK. Pelajar hanya dibenarkan mengaudit kursus tersebut sahaja.

2. PEMINDAHAN KREDIT

- (1) **Pemindahan kredit** bermakna pemindahan kredit bersama-sama dengan gred yang diperolehi bagi kursus yang diambil oleh pelajar selepas diterima masuk untuk mengikuti program pengajian di Universiti.
 - (2) Kredit yang diperolehi bersama-sama dengan gred dan mata gred bagi kursus yang diluluskan akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar.
 - (3) Kursus yang dipohon untuk pemindahan kredit hendaklah merupakan kursus dari program pengajian yang setaraf dengan program pengajian yang sedang diikuti di Universiti.
3. Kebenaran untuk pengecualian dan pemindahan kredit adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (1) Kursus yang dipohon mempunyai pertindihan sekurang-kurangnya 75% dengan kursus yang ditawarkan di Universiti;
 - (2) Gred atau mata gred yang diperolehi untuk kursus berkenaan adalah tidak kurang daripada C atau 2.0;
 - (3) Kursus yang dipohon mempunyai nilai kredit yang setara dengan kursus yang ditawarkan di Universiti;
 - (4) Pelajar telah mengikuti kursus yang dipohon dengan jayanya dan memperolehi gred lulus bagi kursus berkenaan mengikut skim penggredan Universiti.
 - (5) Jumlah maksimum kredit yang boleh dipindah dan/atau dikecualikan adalah tidak boleh melebihi satu pertiga daripada jumlah keseluruhan kredit program pengajian berkenaan dengan pengecualian bagi program-program profesional yang ditadbir oleh badan profesional masing-masing.
 - (6) Tertakluk kepada syarat di perenggan 3 (1) dan (3) di atas, pelajar yang diluluskan bertukar program pengajian boleh dipertimbangkan untuk pemindahan kredit dengan syarat gred atau mata gred yang diperolehi untuk kursus berkenaan adalah tidak kurang daripada C atau 2.0.
 - (7) Kaedah menyetarakan kursus Universiti dengan kursus dari institusi lain adalah seperti berikut:

Kelulusan	Kaedah
Sijil Profesional/Diploma	Kursus hendaklah disetarakan dengan: <ul style="list-style-type: none">• sekurang-kurangnya satu kursus tahap akhir dari institusi lain; atau• gabungan beberapa kursus tahap akhir dan pertengahan dari institusi lain.
Ijazah Pertama	Kursus hendaklah disetarakan dengan: <ul style="list-style-type: none">• sekurang-kurangnya satu kursus yang sama

	tahap atau yang lebih tinggi dari institusi lain; atau <ul style="list-style-type: none"> • gabungan beberapa kursus yang sama tahap atau dengan tahap lebih tinggi dari institusi lain.
--	--

4. Kursus yang diikuti semasa program pertukaran pelajar yang tidak tersenarai di dalam struktur program pengajian boleh dipertimbangkan pemindahan kredit tertakluk kepada kursus berkenaan memenuhi syarat seperti yang dinyatakan pada perenggan (c)(ii) dan mendapat perakuan Dekan Fakulti program pengajian pelajar sama ada:
 - (1) menggantikan mana-mana kursus dalam struktur program pengajiannya. Bagi tujuan ini, gred dan mata gred kursus akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK; atau
 - (2) tidak menggantikan mana-mana kursus yang ditetapkan dalam struktur program pengajiannya. Kursus berkenaan akan dicatatkan di dalam transkrip akademik pelajar. Bagi tujuan ini gred serta mata gred kursus berkenaan akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK.
5. Permohonan untuk pemindahan atau pengecualian kredit hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti program pengajian tidak lewat dari hari Jumaat minggu kuliah kedua Semester Biasa menggunakan kaedah yang ditetapkan oleh Universiti.
6. Permohonan hendaklah dikemukakan bersama-sama:
 - (1) bayaran yuran proses atas suatu kadar yang ditetapkan. Yuran ini tidak akan dikembalikan;
 - (2) dokumen sokongan wajib iaitu hasil pembelajaran kursus, silibus/kandungan kursus dan skim penggredan kursus yang dipohon untuk pemindahan atau pengecualian kredit.
 - (3) Keputusan permohonan pengecualian dan/atau pemindahan kredit pelajar akan dimaklumkan oleh Pendaftar/Dekan Fakulti program pengajian.

SKIM PENGGREDAN

Markah	Gred	Mata Gred	Maksud
90-100 80-89 75-79	A+ A A-	4.0 4.0 3.7	Amat Cemerlang Cemerlang Cemerlang
70-74 65-69 60-64	B+ B B-	3.3 3.0 2.7	Kepujian Kepujian Kepujian
55-59 50-54	C+ C	2.3 2.0	Lulus Lulus
45-49	C-	1.7	Gagal (Rujuk perenggan 2 di bawah 'Catatan')
40-44 35-39 <35	D+ D F	1.3 1.0 0.0	Gagal
I K P S U R W W1 W2 UW	0 0 0 0 0 0 0 0 0 0	0.0 0.0 0.0 0.0 0.0 0.0 0.0 0.0 0.0 0.0	Belum selesai Kredit Kemajuan Memuaskan Tidak memuaskan Berdaftar untuk audit Penarikan diri secara rasmi daripada satu atau lebih kursus dalam sesuatu semester Penarikan diri secara rasmi daripada semester Penarikan diri secara rasmi daripada Universiti Penarikan diri tidak rasmi

PENGELASAN IJAZAH SARJANA MUDA DI BAWAH SISTEM SEMESTER

<u>Penganugerahan Ijazah</u>	<u>PNGK</u>	<u>Kemasukan : Sesi 2002/2003 dan seterusnya</u>
Lulus Dengan Kepujian	2.0 < 3.7	Senat telah memutuskan pelajar yang memperolehi PNGK terakhir 3.7 dan ke atas adalah layak dianugerahkan Ijazah Lulus Dengan Kepujian (Dengan Cemerlang)
Lulus Dengan Kepujian (Dengan Cemerlang)	3.7 dan ke atas	

PNGK : Purata Nilai Gred Keseluruhan (Maksimum = 4.00)

Catatan :

1. Skim Penggredan yang diluluskan oleh Senat diterimapakai untuk semua program ijazah Sarjana Muda di bawah Sistem Semester, Universiti Malaya **kecuali** Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan **dan** Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian.
2. Mengikut Kaedah-Kaedah & Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Pengajian Ijazah Pertama) 2013 di bawah Peraturan 5(7) :

Penebusan Gred Kursus

- (a) Pelajar boleh mengemukakan permohonan untuk menebus gred C- bagi mana-mana kategori kursus tertakluk kepada syarat-syarat berikut dan persetujuan Dekan Fakulti program pengajiannya:
 - (i) Kursus tersebut boleh ditebus kepada gred C sahaja;
 - (ii) Markah akan ditambah kepada markah sedia ada;
 - (iii) Penebusan hanya boleh dibuat untuk satu kursus sahaja pada semester berkenaan; dan
 - (iv) Permohonan untuk menebus gred C- hendaklah dibuat dalam masa satu minggu selepas tarikh rasmi keputusan peperiksaan.
 - (b) Penebusan kursus ini boleh dibuat melalui tugas, ujian atau kaedah-kaedah penilaian lain yang ditetapkan oleh pemeriksa kursus berkenaan.
3. Ijazah yang dianugerahkan kepada pelajar adalah berdasarkan PNGK terakhir yang diperolehi. Untuk melayakkan seseorang pelajar dianugerahkan ijazah kepujian, ia hendaklah mencapai PNGK terakhir tidak kurang daripada 2.0 Ijazah yang dianugerahkan dengan memperolehi PNGK terakhir 3.7 dan ke atas adalah diiktiraf sebagai mencapai taraf pengijazahan Ijazah Kepujian (Dengan Cemerlang).

STRUKTUR PROGRAM

Bil.	Kursus	Kredit	Jumlah Kredit
1.	Kursus Universiti 1. GIG1001 - Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) 2. GIG1002 - Hubungan Etnik 3. GIG1003 - Asas Pembudayaan Keusahawanan 4. GIG1004 - Literasi Maklumat 5. GIG1005 - Jalinan Masyarakat 6. Ko-kurikulum 7. Kursus Elektif Luar Fakulti (KELF) 8. Kursus Bahasa Inggeris Komunikasi (6 kredit) (1) Tahap 1 : (3 kredit) (2) Tahap 2 : (3 kredit) (Rujuk Muka surat 31 : Senarai kursus yang ditawarkan)	2 2 2 2 2 2 2 6	20
2.	Kursus Teras Kursus Teras Fakulti EIX1001 Pengantar Sains Politik & Pentadbiran Awam 3 EIX1002 Pengenalan kepada Undang-Undang 3 EIX2001 Metodologi Penyelidikan 4 EIX2002 Sosiologi 3 Kursus Teras Program : Teras Ekonomi EIA1001 Pengantar Pengurusan Kewangan 4 EIA1002 Mikroekonomi I 3 EIA1003 Makroekonomi I 3 EIA1004 Ekonomi Pembangunan 3 EIA2001 Mikroekonomi II 4 EIA2002 Makroekonomi II 4 EIA2003 Ekonomi Malaysia 3 EIA2004 Pemikiran Kritikal Dalam Ekonomi 3 EIA3001 Mikroekonomi III 4 EIA3002 Makroekonomi III 4 EIA3003 Perkembangan Pemikiran Ekonomi 3 Kursus Teras Program : Kuantitatif EIA1005 Statistik I 4 EIA1006 Statistik II 3 EIA1007 Matematik Asas 3 EIA2005 Pengenalan Matematik Untuk Ekonomi 3 EIA2006 Ekonometrik Asas 3 Kursus Teras Program: Latihan Industri EIA3004 Latihan Industri 6 Kursus Teras Program: Latihan Ilmiah EIA3005 Latihan Ilmiah 6	13 38 16 6 6	79
3.	Kursus Elektif (Pengkhususan) Pelajar diwajibkan untuk mengkhusus di dalam salah satu daripada empat (4) bidang di bawah: (a) Ekonomi (b) Pengajian Pembangunan (c) Pengajian Pentadbiran & Politik (d) Statistik Gunaan (Rujuk muka surat 27-28 : senarai kursus elektif)		27
Jumlah			126

Gred lulus bagi semua kursus adalah Gred C, kecuali kursus yang dinilai hanya dari segi memuaskan atau tidak memuaskan.

Nota :

1. Pelajar diwajibkan untuk mengkhusus di dalam salah satu dari empat (4) bidang dan pelajar perlu mengambil sekurang-kurangnya sembilan (9) kursus dalam pengkhususan yang tertentu. Pengkhususan tersebut adalah:
 - (a) Ekonomi
 - (b) Pengajian Pembangunan
 - (c) Pengajian Pentadbiran dan Politik
 - (d) Statistik Gunaan

2. Pelajar Antarabangsa Sesi Kemasukan 2015/2016 :
 - (a) Dikecualikan daripada mengambil kursus GIG1001 TITAS (2 kredit) dan GIG1002 Hubungan Etnik (2 kredit) melainkan mereka sendiri berminat untuk mendudukinya.
 - (b) Diwajibkan untuk mengambil kursus GIE1001 (Pengenalan Ekonomi) dan GIG1006 (Pengenalan Kepada Malaysia).
 - (c) Diwajibkan untuk mengambil kursus GLT1001 (Bahasa Malaysia Asas) sebagai syarat pengijazahan.

3. Pelajar diwajibkan mengikuti program yang dianjurkan oleh Fakulti dari masa ke semasa.

4. Pelajar perlu merujuk kepada sumber-sumber berikut untuk maklumat tambahan:
 - (a) Buku-Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Pengajian Ijazah Pertama) 2013 dan Peraturan -Peraturan Universiti Malaya (Pengajian Ijazah Pertama) 2013.
 - (b) Garis Panduan Latihan Industri.
 - (c) Garis Panduan Latihan Ilmiah.
 - (d) Garis Panduan Taksonomi Pengajaran & Pembelajaran dan Elemen Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) boleh dirujuk di <http://fep.um.edu.my>
 - (e) Notis-notis yang dikeluarkan oleh Fakulti dari masa ke semasa.

SENARAI KURSUS UNIVERSITI (20 KREDIT)

Bil	Kod	Tajuk	Kredit
1.	GIG1001	Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)	2
2.	GIG1002	Hubungan Etnik	2
3.	GIG1003	Asas Pembudayaan Keusahawanan	2
4.	GIG1004	Literasi Maklumat	2
5.	GIG1005	Jalinan Masyarakat	2
6.		Ko-kurikulum	2
7.		KELF	2
8.		Kursus Bahasa Inggeris Komunikasi (6 kredit)	6
		i. Tahap 1 (3k)	
		ii. Tahap 2 (3k)	
		<i>(Rujuk muka surat 31 : Senarai tawaran kursus)</i>	

SENARAI KURSUS TERAS (79 KREDIT)

Bil.	Kod	Tajuk	Kredit
Kursus Teras Fakulti (13 Kredit)			
1.	EIX1001	Pengantar Sains Politik dan Pentadbiran Awam	3
2.	EIX1002	Pengenalan kepada Undang-Undang	3
3.	EIX2001	Metodologi Penyelidikan	4
4.	EIX2002	Sosiologi	3
Kursus Teras Program - Teras Ekonomi (38 Kredit)			
1.	EIA1001	Pengantar Pengurusan Kewangan	4
2.	EIA1002	Mikroekonomi I	3
3.	EIA1003	Makroekonomi I	3
4.	EIA1004	Ekonomi Pembangunan	3
5.	EIA2001	Mikroekonomi II	4
6.	EIA2002	Makroekonomi II	4
7.	EIA2003	Ekonomi Malaysia	3
8.	EIA2004	Pemikiran Kritikal Dalam Ekonomi	3
9.	EIA3001	Mikroekonomi III	4
10.	EIA3002	Makroekonomi III	4
11.	EIA3003	Perkembangan Pemikiran Ekonomi	3
Kursus Teras Program – Kuantitatif (16 Kredit)			
1.	EIA1005	Statistik I	4
2.	EIA1006	Statistik II	3
3.	EIA1007	Matematik Asas	3
4.	EIA2005	Pengenalan Matematik Untuk Ekonomi	3
5.	EIA2006	Ekonometrik Asas	3
Kursus Teras Program – Latihan Industri (6 Kredit)			
1.	EIA3004	Latihan Industri	6
Kursus Teras Program – Latihan Ilmiah (6 Kredit)			
1.	EIA3005	Latihan Ilmiah	6

**SENARAI PENGKHUSUSAN DAN KURSUS ELEKTIF YANG BERKAITAN
(27 KREDIT)**

PENGKHUSUSAN EKONOMI

Bil	Kod	Tajuk	Kredit
1.	EIB2001	Teori Perdagangan Antarabangsa	3
2.	EIB2002	Kewangan Negara	3
3.	EIB2003	Ekonomi Buruh	3
4.	EIB2004	Ekonomi Alam Sekitar	3
5.	EIB2005	Ekonomi Bandar	3
6.	EIB2006	Ekonomi Populasi	3
7.	EIB2007	Undang-Undang Perniagaan, Perbankan dan Kewangan	3
8.	EIB2008	Ekonomi Islam	3
9.	EIB2009	Ekonomi Monetari	3
10.	EIB3001	Ekonomi Gelagat	3
11.	EIB3002	Ekonomi Kebajikan	3
12.	EIB3003	Ekonomi Pengurusan	3
13.	EIB3004	Ekonomi Maklumat	3
14.	EIB3005	Ekonomi Kesihatan	3
15.	EIB3006	Ekonomi Perindustrian	3
16.	EIB3007	Ekonomi Regulasi	3
17.	EIB3008	Ekonomi Kewangan	3
18.	EIB3009	Perbankan & Kewangan Islam	3
19.	EIB3010	Isu-Isu Ekonomi Antarabangsa	3

PENGKHUSUSAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN

Bil	Kod	Tajuk	Kredit
1.	EIC2001	Perusahaan Kecil dan Sederhana	3
2.	EIC2002	Gender dan Pembangunan	3
3.	EIC2003	Mikrokewangan dan Perusahaan Sosial	3
4.	EIC3001	Ekonomi Keusahawanan	3
5.	EIC3002	Analisis Projek Pembangunan	3
6.	EIC3003	Pembangunan Mapan dan Ekonomi Hijau	3
7.	EIC3004	Pembangunan Koperasi	3
8.	EIC3005	Pembangunan Pertanian	3
9.	EIC3006	Ekonomi Tanah	3
10.	EIC3007	Globalisasi dan Pembangunan Inklusif	3
11.	EIC3008	Pengurusan Perniagaan Pertanian	3
12.	EIC3009	Pembangunan dan Bioteknologi	3
13.	EIC3010	Sosiologi Pembangunan	3
14.	EIC3011	Pembangunan Komuniti	3
15.	EIC3012	Pertumbuhan dan Pengagihan	3

PENGKHUSUSAN PENGAJIAN PENTADBIRAN DAN POLITIK

Bil.	Kod	Tajuk	Kredit
1.	EID2001	Pengurusan Awam:Teori dan Amalan	3
2.	EID2002	Politik Perbandingan dan Kerajaan	3

Bil.	Kod	Tajuk	Kredit
3.	EID2003	Politik Malaysia	3
4.	EID2004	Ekonomi Politik Antarabangsa	3
5.	EID2005	Pengurusan Sumber Manusia	3
6.	EID2006	Teori dan Pemikiran Politik	3
7.	EID2007	Kerajaan Tempatan	3
8.	EID3001	Kewangan Sektor Awam	3
9.	EID3002	Perhubungan Perindustrian	3
10.	EID3003	Gelagat Organisasi	3
11.	EID3004	Teknik Kemahiran Pengurusan	3
12.	EID3005	Perancangan dan Urbanisasi	3
13.	EID3006	Pengurusan dan Analisis Projek	3
14.	EID3007	Polisi Awam	3
15.	EID3008	Perkongsian Awam- Swasta	3
16.	EID3009	Pengurusan Kualiti Menyeluruh	3

PENGKHUSUSAN STATISTIK GUNAAN

Bil.	Kod	Tajuk	Kredit
1.	EIE2001	Kaedah Survei dan Persampelan	3
2.	EIE2002	Komputeran Perniagaan	3
3.	EIE2003	Analisis Data	3
4.	EIE2004	Sains Pengurusan	3
5.	EIE2005	Teknik dan Aplikasi Demografi	3
6.	EIE3001	Statistik Lanjutan	3
7.	EIE3002	Analisis Siri Masa	3
8.	EIE3003	Analisis Ekonometrik	3
9.	EIE3004	Matematik Aktuari	3
10.	EIE3005	Komputeran Berstatistik	3
11.	EIE3006	Ekonometrik Kewangan	3
12.	EIE3007	Rekabentuk Ujikaji	3

Nota:

1. Bagi tujuan pengijazahan, pelajar diwajibkan untuk memenuhi keperluan pengkhususan tertentu dengan mengambil sekurang-kurangnya sembilan (9) kursus iaitu 27 kredit yang tersenarai di bawah pengkhususan tertentu.
2. Penentuan pengkhususan oleh setiap pelajar akan dikenalpasti bermula Semester ke-3 (Tahap 2). satu taklimat khas berkaitan pengkhususan akan disampaikan oleh Timbalan Dekan (Ijazah Dasar). Pelajar perlu merancang dan kenalpasti pengkhususan yang ingin diambil dan mengisi borang pengesahan samasa sesi taklimat tersebut

SENARAI KURSUS ELEKTIF LUAR FAKULTI (KELF)

Bil.	Kod	Tajuk	Kredit
1.	GIE1001	Pengenalan Ekonomi**	3
2.	GIE2001	Statistik Asas**	2

** Kursus Elektif Luar Fakulti (KELF) tidak boleh diambil oleh pelajar FEP/FPP, pelajar minor (Ekonomi) dari APM, API dan FSSS serta pelajar minor (Perniagaan) dari FSKTM. Walau bagaimanapun, pelajar FEP Bukan Warganegara adalah diwajibkan mengambil Kursus GIE1001(Pengenalan Ekonomi) bagi tujuan syarat penyempurnaan kredit.

**CADANGAN STRUKTUR PENGAJIAN
SESI KEMASUKAN 2015/2016**

SEMESTER 1-2

KOMPONEN	SEMESTER 1		SEMESTER 2	
	KURSUS	KREDIT	KURSUS	KREDIT
Hasil Pembelajaran	Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat: <ol style="list-style-type: none">1) menerangkan konsep asas dan teori berkaitan bidang perdagangan antarabangsa;2) mengenalpasti isu berkaitan bidang perdagangan antarabangsa; dan3) menganalisis isu dalam perdagangan antarabangsa dengan menggunakan teori berkaitan.
Sinopsis	Kursus ini akan membincangkan konsep dan teori perdagangan antarabangsa seperti teori faedah berbanding, teori Heckscher-Ohlin, polisi yang berkaitan dengan perdagangan antarabangsa, integrasi ekonomi dan isu berkaitan perdagangan antarabangsa.
Rujukan	<ol style="list-style-type: none">1. Salvatore, D. (2011). International Economics (10th ed.) New Jersey: John Wiley & Son.2. Krugman, P.R., Obstfeld, M. and Melitz, M.J. (2012). International Economics – Theory and Policy (9th ed.). Pearson.3. Gerber, J. (2011). International Economics (5th ed.). Pearson.
Kemahiran Insaniah	CS2, CS2, CS3 LS1, LS2
Kaedah Penilaian	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%

EIB2002 3 Kredit	KEWANGAN NEGARA
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) menerangkan bagaimana sektor awam mempengaruhi peruntukan sumber yang terbatas; 2) mengenalpasti peranan sektor awam; 3) menganalisis peranan yang dimainkan oleh pengundi dalam pembuatan keputusan; 4) menerangkan prinsip pencukaian dan kewangan persekutuan.
Sinopsis	Kandungan kursus ini merangkumi topik seperti kegagalan pasaran dan keperluan sektor awam, fungsi sektor awam, kecekapan Pareto, teori barangan awam, konsep kesan luaran dan peranan sektor swasta dan awam dalam mengatasi kesan luaran, sistem pengundian dan pilihan awam, analisis prinsip pencukaian dari aspek positif dan normatif, dan sebagainya.
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hyman, D.N. 2005. <i>Public Finance: A Contemporary Application of Theory to Policy</i>. 8e. Mason, Ohio: South-Western. 2. Rosen, H.S. 2002. <i>Public Finance</i>. 6e. Boston: McGraw-Hill/Irwin. 3. Musgrave, R.A. and Musgrave, P.B. 1989. <i>Public Finance in Theory and Practice</i>. 5e. New York: McGraw-Hill. 4. Aronson, J.R. 1985. <i>Public Finance</i>. New York: McGraw-Hill.
Kemahiran Insaniah	CS1, CS2, CS3
Kaedah Penilaian	<p>Penilaian Berterusan : 40%</p> <p>Peperiksaan Akhir : 60%</p>

EIB2003 3 Kredit	EKONOMI BURUH
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) menganalisis pelbagai konsep dan teori pasaran buruh; 2) menggunakan teori pasaran buruh untuk menerangkan isu semasa pasaran buruh; dan 3) menghuraikan implikasi dasar kerajaan terhadap pasaran buruh.
Sinopsis	<p>Kursus ini menumpukan perbincangan terhadap pelbagai aspek pasaran buruh. Antara tajuk yang akan dirangkumi ialah permintaan dan penawaran buruh, keseimbangan pasaran buruh, pelaburan modal insan, mobiliti dan migrasi, diskriminasi pasaran buruh, kesatuan sekerja, pembezaan upah pekerjaan, pengangguran, dasar kerajaan di pasaran buruh dan implikasi dasar.</p>
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ehrenberg, R. G. & Smith, R. S. (2012). <i>Modern Labor Economics: Theory and Public Policy</i>. Eleventh Edition. New York: Pearson. 2. McConnel, C. R., Brue, S. L. & Macpherson, D. A. (2010). <i>Contemporary Labor Economics</i>. Eighth Edition. New York: McGraw-Hill. 3. Fatimah Said & Saad Mohd. Said (2002). <i>Ekonomi Pasaran Buruh</i>. Kota Bharu: AY. 4. Zulkifly Osman (1989) <i>Ekonomi Buruh: Teori Permintaan dan Penawaran</i>. Kuala Lumpur: DBP.
Kemahiran Insaniah	<p>CS1, CS2, CS3 CT1, CT2, CT3 KK1 – KK2</p>
Kaedah Penilaian	<p>Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%</p>

EIB2004 3 Kredit	EKONOMI ALAM SEKITAR
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. menerangkan ekonomi alam sekitar dan asas teori yang berkaitan; 2. membangunkan kesedaran akan kepentingan memelihara alam sekitar; dan 3. menganalisis isu-isu alam sekitar melalui aktiviti luar kelas.
Sinopsis	<p>Kursus ini lebih menjurus kepada aspek teori alam sekitar supaya para pelajar mendapat gambaran jelas tentang ruang lingkup pengajian alam sekitar. Teori pasaran menekankan bahawa kecekapan pasaran akan senantiasanya membawa kepada peruntukan sumber secara optimum. Namun, keadaan sedemikian jarang sekali berlaku. Oleh itu, kursus ini mendedahkan bahawa kegagalan pasaran sebaliknya akan mendorong kepada kesan luaran yang berkaitan dengan masalah alam sekitar serta penyelesaian-penyelesaian yang boleh diambil untuk meminimumkan masalah tersebut. Perbincangan tentang keperluan kepada pembangunan dan pengorbanan terhadap alam sekitar turut dilakukan. Isu alam sekitar sejagat dan keadaan alam sekitar di negara membangun juga akan dikaji.</p>
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Callan, Scott. J and Thomas, Janet. M, 2013, <i>Environmental Economics and Management: Theory, Policy and Applications</i>, Sixth Edition, The Dryden Press 2. Tietenberg, T. And Lewis, L., 2010, <i>Environmental Economics & Policy</i>, Sixth Edition, Pearson. 3. Berck, P. and Helfand, G., 2011, <i>The Economics of the Environment</i>, First Edition, Pearson Addison Wesley
Kemahiran Insaniah	<p>CS1, CS2, CS3 CT1, CT2, CT3 LS1, LS2</p>
Kaedah Penilaian	<p>Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%</p>

EIB2005 3 Kredit	EKONOMI BANDAR
Pra-syarat	EIA1002 Mikroekonomi I
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) menerangkan proses kewujudan dan perkembangan bandar secara deskriptif dan teoretikal; 2) menjelaskan fungsi dan peranan bandar sebagai pusat kegiatan ekonomi; 3) mengaplikasikan teori-teori ekonomi bandar kepada isu-isu perbandaran semasa.
Sinopsis	<p>Kursus ini membincangkan tentang definisi bandar dan teori yang menerangkan kewujudan bandar serta kuasa pasaran dalam perkembangan sesebuah bandar. Kursus ini turut memperkenalkan teori sewa tanah dan guna tanah di kawasan bandar. Selain itu, kursus ini juga akan membincangkan tentang masalah-masalah yang biasa dikaitkan dengan kawasan bandar seperti isu pengangkutan, perumahan, pencemaran, isu sosial, serta cara-cara meminimakan masalah-masalah tersebut.</p>
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. O'Sullivan, A., 2009. Urban Economics 7th edition. McGraw Hill. 2. Mills, E.S., Hamilton, B.W., 1994. Urban Economics 5th edition. Harper Collins College Publisher.
Kemahiran Insaniah	LL1, LL2, LL3 EM1, EM2 LS1, LS3
Kaedah Penilaian	Penilaian Berterusan : 50% Peperiksaan Akhir : 50%

EIB2006 3 Kredit	EKONOMI POPULASI
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) menerangkan hubungan di antara pertumbuhan penduduk dan ekonomi; 2) membincangkan isu penduduk berdasarkan perspektif ekonomi pembangunan; 3) menganalisis peranan dasar awam yang berkaitan dengan isu penduduk.
Sinopsis	<p>Kursus ini mengkaji isu penduduk dari perspektif ekonomi. Ia membincangkan perhubungan di antara populasi dan ekonomi iaitu melihat bagaimana perubahan penduduk dipengaruhi dan mempengaruhi pembangunan ekonomi. Kursus ini dimulai dengan membincangkan dua penentu pertumbuhan penduduk iaitu fertiliti dan mortaliti. Seterusnya isu migrasi, perbandaran, penuaan, dan transisi isi rumah akan dibincangkan. Akhir sekali ia mengaitkan isu penduduk dengan dasar awam dan peranan agama..</p>
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Weeks, J.R. (2008). Population: An Introduction to Concepts and Issues 10th edition. Wadsworth. 2. Yaukey, D., Anderton, D.L., Lundquist, J.H. (2007). Demography: The Study of Human Population. Waveland Press Inc. 3. Razin, A., Sadka, E. (1995). Population Economics. The MIT Press.
Kemahiran Insaniah	<p>CT1, CT2, CT3 TS1, TS2 LL1, LL2</p>
Kaedah Penilaian	<p>Penilaian Berterusan : 50% Peperiksaan Akhir : 50%</p>

UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN, PERBANKAN DAN KEWANGAN

EIA2007 3 Kredit	UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN, PERBANKAN DAN KEWANGAN
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	Apabila tamat kursus ini, pelajar diharap dapat: <ol style="list-style-type: none">1) menerangkan asas-asas sistem perundangan di Malaysia;2) mengenal pasti prinsip-prinsip utama undang-undang perniagaan dan perbankan & kewangan;3) membincangkan undang-undang termaktub /akta-akta yang berkaitan;4) menganalisis kes-kes mahkamah yang relevan.
Sinopsis	Kandungan kursus ini meliputi Undang-undang Kontrak, Undang-Undang Sewa Beli, Undang-Undang Barang Jualan, Undang-Undang Perkongsian, Undang-Undang Agensi dan Undang-Undang perbankan dan kewangan.
Rujukan	<ol style="list-style-type: none">1. Beatrix Vohrah & Wu Min Aun, <u>The Commercial Law of Malaysia</u>, Updated 2nd Ed: Longman Malaysia Sdn.Bhd.,selangor,20062. Lee Mei Pheng, <u>General Principles of Malaysian Law</u>, updated 5th Ed: Penerbit Fajar Bakti,20063. Lee Mei Pheng, <u>Banking Law</u> 4th edition :LexisNexis 2012
Kemahiran Insaniah	CS1, CS2, CS3 CT1, CT2, CT3 TS1, TS2 EM1, EM2
Kaedah Penilaian	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%

EIB2008 3 Kredit	EKONOMI ISLAM
Pra-syarat	EIA1002 Mikroekonomi I dan EIA1003 Makroekonomi I
Hasil Pembelajaran	<p>Di akhir kursus, pelajar akan dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menerangkan pandangan dunia Islam dan kaitannya dengan prinsip ekonomi Islam. 2. Memperihalkan ciri-ciri umum ekonomi Islam. 3. Mengaplikasikan perspektif Islam kepada persoalan utama ekonomi iaitu pengeluaran, penggunaan dan agihan. 4. Menganalisa perbezaan ekonomi Islam dengan ekonomi konvensional dalam perkara asas ekonomi dan isu ekonomi seperti penggunaan dan pengeluaran.
Sinopsis	Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar asas kepada ekonomi Islam. Kursus dimulakan dengan memperkenalkan kepada pelajar tentang asas agama Islam dan kedudukan ekonomi dalam Islam, asas falsafah ekonomi Islam dan ciri-ciri penting sistem ekonomi Islam serta metodologi ekonomi Islam. Seterusnya ia membincangkan perspektif Islam dalam masalah utama ekonomi seperti penggunaan, pengeluaran, agihan, syarat pertukaran, institusi kewangan, kewangan awam serta peranan kerajaan.
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Askari, Hossein; Iqbal, Zamir and Mirakhor, Abbas. 2015. Introduction of Islamic Economics, Theory and Application. Wiley Finance, UK. 2. Hassan, Surtahman Kastin and Ahmad, Sanep. 2010. Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan. Edisi Kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 3. Khan, Muhammad Akram. 1994. An Introduction to Islamic Economics. International Institute of Islamic Thought and Institute of Policy Studies.
Kemahiran Insaniah	CS1, CS2, CS3 CT1, CT2 EM1, EM2
Kaedah Penilaian	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%

EIB2009 3 Kredit	EKONOMI MONETARI
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) menerangkan konsep-konsep asas dan rangka-rangka teoretikal dalam ekonomi monetari; 2) mengaitkan teori-teori ekonomi monetari dengan alam sebenar; 3) menganalisis operasi dan pelaksanaan polisi monetari dalam ekonomi-ekonomi tertutup dan terbuka.
Sinopsis	Konsep asas dan fungsi wang; permintaan dan penawaran wang dan kawalan monetari; mekanisme transmisi monetari; polisi-polisi makroekonomi; rejim operasi polisi monetari; inflasi dan pengangguran; hubungan wang dengan output; penentuan kadar pertukaran; dan instrumen-instrumen polisi monetari.
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bank Negara Malaysia (1994) Money and Banking in Malaysia 2. Lailder, D.E.W. (1993) The Demand for Money: Theories, Evidence and Problems, HarperCollins, 4th edition 3. Lewis, M.K. & Mizen, P.D. (2000) Monetary Economics, Oxford University Press 4. McCallum, B.T. (1989) Monetary Economics: Theory and Policy, Macmillan 5. Pierce, D.G. & Tysome, P.J. (1985) Monetary Economics: Theories, Evidence and Policy, Butterworth
Kemahiran Insaniah	CS1, CS2, CS3 CT1, CT2, CT3
Kaedah Penilaian	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%

EIB3001 3 Kredit	EKONOMI GELAGAT
Pra-syarat	EIA2001 Mikroekonomi II
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) mengenalpasti unsur gelagat yang tidak terdapat di dalam model ekonomi tradisional; 2) menghuraikan pendekatan gelagat terhadap model ekonomi; 3) mengaplikasikan konsep utama gelagat kepada bidang ekonomi yang lain.
Sinopsis	<p>Kursus ini memperkenalkan teori dan model ekonomi tradisional serta menganalisis bagaimana ekonomi gelagat berbeza daripada teori tradisional dengan menggugurkan andaian tradisional. Ia juga menganalisa perhubungan di antara ekonomi dengan sains gelagat lain. Matlamat kursus ini ialah memperkenalkan asas terhadap tajuk penting ekonomi gelagat, termasuklah di antaranya perakaunan minda, keadilan dan hubungan timbal-balik, pergantungan rujukan, kerasionalan terbatas dan pilihan dalam keadaan ketidakpastian.</p>
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Wilkinson, N., Klies, M. (2012). Introduction to Behavioral Economics. Palgrave MacMillan. 2. Kahneman, D., Tversky, A. (eds) (2000). Choices, Values, and Frames. Cambridge University Press. 3. Cemerer, C.F., Loewenstein, G., Rabin, M. (eds) (2004). Advances in Behavioral Economics. Princeton University Press.
Kemahiran Insaniah	<p>CT1, CT1, CT3 TS1 – TS2 LL1 – LL2</p>
Kaedah Penilaian	<p>Penilaian Berterusan : 50% Peperiksaan Akhir : 50%</p>

EIB3002 3 Kredit	EKONOMI KEBAJIKAN
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) menerangkan mengenai mekanisme alokasi sumber dalam sesuatu ekonomi pasaran; 2) membincangkan sebab kerajaan campur tangan dalam ekonomi pasaran; 3) menilai projek menggunakan analisis kos-faedah sosial.
Sinopsis	<p>Kursus ini akan membincangkan criteria optimaliti Pareto, kriteria gantirugi, ukuran perubahan kebajikan sosial, konsep lebihan pengguna, teorem Arrow, masalah pilihan sosial dan sebagainya. Kesan ketidaksempurnaan pasaran ke atas pencapaian syarat-syarat optimaliti akan dibincang meliputi teori terbaik kedua, kesan luaran, teorem Coase, barangan awam dan lain-lain lagi.</p>
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. R. Boadway & N. Bruce (1984), <i>Welfare Economics</i> ; Oxford: Basil Blackwell 2. Edward M. Gramlich (1990), <i>A guide to Benefit-Cost Analysis</i>; Prentice Hall 3. Ng Yew Kwang (1983), <i>Welfare Economics</i>, rev.ed; London: Macmillan 4. J. Craven (1992), <i>Social Choice</i>, Cambridge: Cambridge University Press 5. J. Bonner (1986), <i>Politics, Economics & Welfare</i>, Brighton : Wheatsheaf. 6. C.M. Price (1977), <i>Welfare Economics in Theory and Practice</i>, London : Macmillan.
Kemahiran Insaniah	CS1, CS2, CS3
Kaedah Penilaian	<p>Penilaian Berterusan : 40%</p> <p>Peperiksaan Akhir : 60%</p>

EIB3003 3 Kredit	EKONOMI PENGURUSAN
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) menerangkan prinsip dan konsep ekonomi pengurusan; 2) menganalisis aplikasi teori mikroekonomi terutamanya dalam membuat keputusan perniagaan.
Sinopsis	Kandungan kursus ini meliputi harga dan struktur pasaran, permintaan dan penawaran, pengeluaran dan kos, firma di bawah persaingan sempurna dan firma yang mempunyai kuasa pasaran dan pembuatan keputusan melalui masa.
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Baye Micheal R (2003), Manegerial Economics and Business Strategy (4th Ed), McGraw-Hill. 2. Mark Hirschey & James L Pappas (2004), Fundamentals of Managerial Economics, (6th Ed), Dryden Press. 3. S. Charles Maurice and Christopher R. Thomas (2005) Manegerial Economics (6th Ed) Irwin. 4. Dominick Salvatore (2003) Managerial Economic on a Global Economy (4th Ed). Harcourt College Publisher.
Kemahiran Insaniah	C1, CS2, CS3 CT1, CT2, CT3 LL1, LL2
Kaedah Penilaian	<p>Penilaian Berterusan : 40%</p> <p>Peperiksaan Akhir : 60%</p>

EIB3004 3 Kredit	EKONOMI MAKLUMAT
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) mengenali kepentingan maklumat dalam ekonomi khususnya dalam persediaan kontrak dan pengoptimuman utiliti. 2) menentukan peranan maklumat dalam ekonomi.; 3) membezakan antara masalah maklumat asimetri dalam kontrak; dan 4) menganalisis cara-cara mengatasi masalah maklumat asimetri. 5) membuat sintesis dengan menggunakan model maklumat ekonomi matematik asas.
Sinopsis	Kursus akan membincangkan topik-topik yang berkaitan dengan maklumat simetri dan asimetri, perhubungan inter-temporal, model asas, kontrak asimetri, mekanisma bayaran optimal, tingkat usaha optimal, bahaya moral, pendekatan darjah pertama, maklumat tersembunyi, pilihan bertentangan, pengisytiharan, pendidikan sebagai tanda, keseimbangan, analisis masalah matematik dan analitik.
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Macho-Stadler, I and Castrillo, J.D. 2001. An Introduction to the Economics of Information and Contracts (2nd Edition), Oxford University Press. 2. Milgrom, P. and Roberts, J. 1992. Economics, Organization and Management. (1st Edition). Prentice Hall. 3. Hirschleifer, J. and Riley, J.G. 1992. The Analytics of Uncertainty and Information. (1st Edition). Cambridge University Press. 4. Rasmussen, E.2001. Games and Information. (3rd Edition). Cambridge MA and Oxford U.K. Blackwell.
Kemahiran Insaniah	<p>CS: CS1 – CS3 CT: CT1 – CT3 LL: LL1 – LL2</p>
Kaedah Penilaian	<p>Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%</p>

EIB3005 3 Kredit	EKONOMI KESIHATAN
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) menerangkan bagaimana prinsip ekonomi diaplikasikan terhadap isu berkaitan kesihatan; 2) menganalisis kos dan faedah pelbagai pilihan penjagaan kesihatan; dan 3) mengkaji polisi awam terhadap penjagaan kesihatan dari perspektif ekonomi.
Sinopsis	Kursus ini membincangkan tentang kesihatan, penjagaan kesihatan dan polisi kesihatan dari sudut mikroekonomi. Topik termasuk permintaan dan penawaran perkhidmatan kesihatan, pengeluaran dan kos penjagaan kesihatan, struktur pasaran perubatan, sistem dan institusi penjagaan kesihatan, peranan kerajaan dalam khidmat kesihatan dan insurans kesihatan.
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Phelps C.E (2006), Health Economics, 3rd edition, Addison Wesley 2. Santerre R.E & Neun S.P (2007), Health Economics, 4th edition, Thomson South Western
Kemahiran Insaniah	CS1, CS2, CS3
Kaedah Penilaian	<p>Penilaian Berterusan : 40%</p> <p>Peperiksaan Akhir : 60%</p>

EIB3006 3 Kredit	EKONOMI PERINDUSTRIAN
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) menganalisa pelbagai konsep dan teori ekonomi industri; 2) mengenalpasti pelbagai isu dan aspek etika berkaitan ekonomi industri; 3) menerangkan isu ekonomi industri dengan menggunakan teori berkaitan.
Sinopsis	<p>Kursus ini menumpukan perbincangan secara teori dan kajian empirik terhadap struktur, kelakuan dan prestasi pasaran. Antara tajuk-tajuk yang akan dibincang ialah ekonomi ikut skel, penumpuan pasaran, halangan kemasukan, integrasi menegak, pelbagaian, persaingan oligopoly, kemajuan teknologi, pengiklanan dan dasar persaingan.</p>
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Fatimah Said dan Saad Mohd. Said (2003). <i>Ekonomi Perindustrian</i>. Kuala Lumpur: DBP. 2. Carlton, D. W. & J. M. Perloff (1994). <i>Industrial Organization</i>. New York: Harper Collins. 3. Hay, D. A. and J. M. Morris (1991). <i>Industrial Economics and Organization</i>. New York: Oxford University Press. 4. Clark, R. (1985). <i>Industrial Economics</i>. Oxford: Basil Blackwell Ltd.
Kemahiran Insaniah	<p>CS1, CS2, CS3 CT1, CT2, CT3 KK1, KK2</p>
Kaedah Penilaian	<p>Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%</p>

EIB3007 3 Kredit	EKONOMI REGULASI
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) menerangkan ekonomi regulasi dan asas teori yang berkaitan; 2) membincangkan isu-isu ekonomi regulasi yang berkaitan dengan ekonomi Malaysia; 3) mengenalpasti kepentingan campurtangan kerajaan dalam pasaran.
Sinopsis	<p>Kursus ini lebih menjurus kepada aspek teori ekonomi regulasi supaya para pelajar mendapat gambaran jelas tentang ruang lingkup pengajian ekonomi regulasi. Teori pasaran menekankan bahawa kecekapan pasaran akan senantiasanya membawa kepada peruntukan sumber secara optimum. Namun, keadaan sedemikian jarang sekali berlaku. Oleh itu, kursus ini mendedahkan bahawa kegagalan pasaran akan mendorong kepada campurtangan kerajaan melalui undang-undang dan peraturan dalam menangani masalah kecekapan peruntukan dan agihan dan kesan ke atas kebajikan/keselamatan dan alam sekitar. Perbincangan akan menjurus kepada pengalaman Malaysia.</p>
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Viscusi, K., Vernon, J. and Harrinton, J., Economics of Regulation and Anti-trust, 2000, MIT Press 2. Michael Pollit (under MIT's Open Course Ware Program Cooperation) 2003. Government Regulation of Industry 3. Baldwin, Robert & Martin Cave, 1999. Understanding Regulation: Theory Strategy and Practice. Oxford: University Press(BC) 4. Peter Grajzi & Peter Murell, 2005. Allocating Law Making Powers; Self-Regulation vs Government Regulation. CEU-Working Papers. 5. Robert Cooter. 1997. Journal of Legal Studies. University of Chicago Law School 6. Marshall C. Howard. 1983. Anti-trust and Trade Regulation. Prentice-Hall 7. Afred Kahn. 1993. The Economics of Regulation. MIT 8. Richard L. Gordon. 1994. Regulations and Economic Analysis. Kluwer Academic Publisher.
Kemahiran Insaniah	CS1, CS2, CS3
Kaedah Penilaian	<p>Penilaian Berterusan : 50%</p> <p>Peperiksaan Akhir : 50%</p>

EIB3008 3 Kredit	EKONOMI KEWANGAN
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Menjelaskan fungsi dan operasi institusi pengantara kewangan; 2) Menjelaskan fungsi dan operasi pasaran kewangan; 3) Menilai peranan bank pusat dalam sistem kewangan.
Sinopsis	Kursus ini member tumpuan terhadap aktiviti yang terlibat dalam sektor kewangan. Secara khusus, kursus ini menerangkan fungsi dan operasi pasaran kewangan, institusi pengantara kewangan dan peranan bank pusat dalam menstabilkan system kewangan.
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Frederic S. Mishkin, <i>The Economics of Money, Banking and Financial Markets</i>, Pearson Education Inc, Boston, MA. Ninth Edition, 2010. 2. R. Glenn Hubbard and A. Patrick O'brien, <i>Money, the Financial System and the Economy</i>, Pearson Education Inc, Boston, MA, 2012. 3. R.L. Miller and D. VanHoose, <i>Money, Banking and Financial Markets</i>, South-Western, 2001.
Kemahiran Insaniah	CS1, CS2, CS3 CT1, CT2, CT3 TS1, TS2
Kaedah Penilaian	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%

EIB3009 3 Kredit	PERBANKAN & KEWANGAN ISLAM
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) menerangkan asas falsafah, konsep asas dan prinsip perbankan dan kewangan Islam; 2) membezakan di antara sistem kewangan Islam dan sistem kewangan konvensional dari perspektif sosio-ekonomi dan undang-undang; dan 3) menganalisis isu berkaitan dengan perkembangan perbankan dan kewangan Islam dari sudut teori dan amalan.
Sinopsis	Kursus ini memberikan gambaran yang menyeluruh tentang aspek utama perbankan dan kewangan Islam. Topik yang dibincangkan termasuk falsafah dan prinsip asas kewangan Islam, <i>riba</i> , untung, kontrak pertukaran, teori perbankan perkongsian untung rugi, realiti perbankan Islam, <i>takaful</i> , pasaran wang Islam, pasaran modal Islam dan derivatif Islam (<i>sukuk</i>).
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ismail Abdul Ghafar (2010), <i>Money, Islamic Banks and the Real Economy</i>, Singapore: Cengage Learning Asia Pte Ltd. 2. Mohd Daud Bakar and Engku Rabiah Adawiah Ali (Ed) (2008), <i>Essential Readings in Islamic Finance</i>, Kuala Lumpur: CERT. 3. Mei Pheng Lee and Detta Ivan Jeron (2007), <i>Islamic Banking & Finance Law</i>, Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn Bhd. 4. Rosly, Saiful Azhar (2005), <i>Critical Issues on Islamic Banking and Financial Markets</i>, Kuala Lumpur: Dinamas 5. Radiah Abdul Kader (2001) <i>Ekonomi Islam</i>, Kuala Lumpur: Vision 6. Relevant Statutes
Kemahiran Insaniah	CS1, CS2, CS3 CT1, CT2, CT3 LS1, LS2
Kaedah Penilaian	Penilaian Berterusan : 50% Peperiksaan Akhir : 50%

EIB3010 3 Kredit	ISU-ISU EKONOMI ANTARABANGSA
Pra-syarat	Pelajar tahun 2 dan ke atas
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Menerangkan isu utama ekonomi antarabangsa; 2) Mengenalpasti isu penting ekonomi antarabangsa terhadap perkembangan ekonomi negara membangun; 3) Menganalisis isu ekonomi berdasarkan teori dan sebagai seorang ahli ekonomi; dan 4) Menilai isu ekonomi berkaitan dan implikasi polisi.
Sinopsis	Kursus ini meliputi tajuk globalisasi dan kesannya terhadap negara membangun, peranan modal antarabangsa (dan <i>FDI</i>) dalam ekonomi dunia; sistem matawang antarabangsa (lama dan baru), peranan US\$-Yen-Deutschemarks/Euro; Rangkakerja Kewangan Antarabangsa; organisasi antarabangsa (IMF, Bank Dunia dan WTO); perjanjian perdagangan antarabangsa; (Rundingan Perdagangan Uruguay dan Doha); integrasi ekonomi serantau; krisis minyak tahun 1970an dan 2000an; ekonomi China-India-Brazil-Rusia.
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sreger M. B. (2003). <i>Globalization. A Very Short Introduction</i>, Oxford University Press. 2. Ravenhill J. (2005). <i>Global Political Economy</i>, Oxford University Press. 3. Isard, P. (2005). <i>Globalization and the International Financial System</i>, Cambridge University Press. 4. McKinnon, R. (1997). <i>The Rules of the Game</i>, MIT Press, Massachusetts.
Kemahiran Insaniah	CT1, CT2, CT3 TS1, TS2 LS1, LS2
Kaedah Penilaian	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%

PENGAJIAN PEMBANGUNAN

PERUSAHAAN KECIL & SEDERHANA

EIC2001 3 Kredit	PERUSAHAAN KECIL & SEDERHANA
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat: 1) mengenalpasti teori-teori ekonomi keusahawanan; 2) mengetahui makna budaya dan pembangunan keusahawanan; 3) menilai persekitaran usaha teroka; dan 4) menyiapkan satu rancangan perniagaan.
Sinopsis	Kursus ini akan lebih memberi tumpuan terhadap pembentukan atau pewujudan usahawan yang mengusahakan enterprais kecil, asas tani, industri desa dan tidak formal. Teori, pendekatan dan amalan keusahawanan di bawah kategori ini akan dikaitkan dengan teori dan amalan pengurusan. Kursus ini akan melihat bagaimana enterprais kecil dan tidak formal ini boleh wujud. Penilaian terhadap pengumpulan modal, penggunaan tenaga buruh, pengawalan pasaran serta cabaran untuk terus kekal dalam enterprais yang diceburi oleh usahawan. Kepentingan dan sumbangan enterprais kecil ini terhadap ekonomi Negara juga akan dibincang dalam kursus ini.
Rujukan	<ol style="list-style-type: none">1. Kotler, Philip. (2012). Marketing Management. Upper Saddle River, N.J.: Prentice-Hall.2. Mohd Salleh Din. (2005). Asas Keusahawanan. Singapore: Thomson Learning.3. Kuratko, Donald F. (5thed.).(2001). Entrepreneurship: A Contemporary Approach. Fort Worth: Harcourt College Publishers.4. Beaumont, P.B. (1993). Human Resource Management – Key Concepts and Skills. CA: SAGE Publications.5. Small Business Community Portal. www.smallbusnies.com6. Canada Small Business Development. www.entrepreneurship.com
Kemahiran Insaniah	CS1, CS2, CS3 CT1, CT2, CT3 TS1, TS2 LL1, LL2 KK1 EM1, EM2 LS1, LS2
Kaedah Penilaian	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%

EIC2002 3 Kredit	GENDER DAN PEMBANGUNAN
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat: 1) mengenalpasti kepentingan peranan gender dalam proses pembangunan; 2) membincangkan teori gender dan pembangunan; dan 3) mengulas metodologi dan rangka kerja untuk menganalisis dimensi gender dalam pembangunan.
Sinopsis	Kursus akan bermula dengan analisa kesan proses pembangunan yang berbeza ke atas kumpulan gender yang berlainan. Ini diikuti sorotan teori yang berkaitan dengan gender dan pembangunan. Perspektif feminis dalam bidang ini akan diperhatikan. Bahagian ketiga kursus ini akan mengkaji metodologi dan rangka kerja untuk menganalisa dimensi gender dalam pembangunan. Kesesuaian sistem politik yang merangkumi kaedah yang sensitif kepada gender dalam perancangan, polisi dan program pembangunan akan dikaji dengan rujuk kepada pengalaman beberapa negara di dalam akhir kursus ini.
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nalini Visvanathan, Lynn Duggan, Laurie Nisonoff and Nan Wiegersma. Ed. (2011). <i>The Women, Gender and Development Reader</i>. Halifax: Fernwood Publication. 2. Sarkar, Aanchal (2006). <i>Gender and development</i>. Pragun Publications. 3. Parpart, J.L, Connelly, P. M., & Barriteau, V.E. (2000). <i>Theoretical perspectives on gender and development</i>. IDRC Books. 4. Harrison, Elizabeth, Harrison, Elizabeth, Whitehead, Ann. (2009). <i>Gender Myths and Feminist Fables : The Struggle for Interpretive Power in Gender and Development</i>. Wiley-Blackwell. 5. Caroline Moser. (1993). <i>Gender Planning and development. Theory, Practice and Training</i>. London: Routledge.
Kemahiran Insaniah	CS1, CS2, CS3, CS4, CS5, CS6, CS7, CS8 TS1, TS2, TS3, TS4, TS5 LS1, LS2, LS3, LS4
Kaedah Penilaian	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%

EIC2003 3 Kredit	MIKROKEWANGAN DAN PERUSAHAAN SOSIAL
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) menerangkan konsep kemiskinan dan pembangunan desa; 2) menganalisis hubungkait antara modal dan pembangunan ekonomi; 3) mengenalpasti sektor tidak formal, kredit tidak formal dan perusahaan sosial; 4) mengetahui asas pengurusan kewangan kredit mikro, dan menyiapkan satu proforma aliran tunai untuk perniagaan kecil-kecilan; dan 5) menganalisis peranan perusahaan sosial dalam pembangunan.
Sinopsis	Kursus ini akan membincangkan tentang teori pembangunan desa serta permasalahan kemiskinan di sektor desa. Juga akan disentuh hubungkait di antara modal dan pembangunan ekonomi. Kursus ini akan mengenalpasti struktur ekonomi tidak formal dan juga kredit tidak formal. Teknik asas pengurusan kewangan untuk perniagaan tidak formal juga akan disentuh dalam kursus ini.
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Helms, B. (2006). Access for all. Building inclusive financial system. Washington, DC: World Bank 2. Ghate, P.B. ADB (1990). Informal Finance: Some Findings From Asia. Manila: Economics and Development Resources Center. 3. Roth. J. (1997).The Limits of Micro Credit as a Rural Development Intervention. University of Manchester. 4. Todaro, M.P. and Smith, S.C. (2009). Economic Development, (10 edition).Harlow: Addisson Wesley.
Kemahiran Insaniah	<p>CS1, CS2, CS3 CT1, CT2, CT3 TS1, TS2 LL1, LL2</p>
Kaedah Penilaian	<p>Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%</p>

EIC3001 3 Kredit	EKONOMI KEUSAHAWANAN
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) mengenalpasti konsep dan teori keusahawanan; 2) menerangkan kepentingan dan fungsi keusahawanan dalam pembangunan ekonomi; 3) menilai peranan dan kepentingan sokongan polisi dalam pembangunan keusahawanan; dan 4) menyediakan rancangan perniagaan.
Sinopsis	<p>Kursus ini mendedahkan pelajar kepada konsep dan aliran pemikiran keusahawanan dalam pelbagai perspektif, termasuk ekonomi, sosiologi, psikologi dan pengurusan. Ia turut memberi penekanan kepada kepentingan keusahawanan sebagai faktor dalam pembangunan ekonomi. Dari aspek praktikal, pelajar akan diberi pendedahan dalam penyediaan rancangan perniagaan.</p>
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Glancey, K.S dan McQuaid R.W. (2000), <i>'Entrepreneurial Economics'</i>. MacMillan Press Ltd. Great Britain 2. Casson, Mark.C (1982), <i>'The Entrepreneur: An Economic Theory'</i>. Martin Robertson & Company Ltd. Oxford. 3. Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia (2007). <i>Asas Pembudayaan Keusahawanan</i>. 4. Mohd Rosli, (2000), <i>Industri Kecil dan Serdahana: Landasan Pembangunan Usahawan</i>. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
Kemahiran Insaniah	<p>CS1, CS2, CS3, CS4, CS5, CS6 CT1, CT2, CT3 TS1, TS2, TS3, TS4, TS5 LL1, LL2 KK1, KK2 EM1, EM2</p>
Kaedah Penilaian	<p>Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%</p>

EIC3002 3 Kredit	ANALISIS PROJEK PEMBANGUNAN
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) mendefinisikan peranan seorang perancang dan pelaksana projek-projek pembangunan; 2) mengulas kepentingan perancangan bagi projek; 3) menunjukkan kegunaan alat-alat yang diperlukan untuk merancang, mengurus dan menganalisis projek pembangunan; dan 4) membuat laporan projek berasaskan kajian kes.
Sinopsis	<p>Kursus ini bermula dengan membincangkan maksud projek pembangunan dan pelbagai projek yang digunakan oleh “developmentalists”.</p> <p>Bahagian kedua kursus ini akan membincangkan kepentingan perancangan kritikal bagi projek dan bahagian ketiga akan membincangkan proses analisa projek dan alat-alat konvensional yang digunakan untuk menganalisa projek pembangunan. Bahagian keempat perbincangan merangkumi pertimbangan kepentingan dalam analisa dan perancangan projek. Dalam kursus ini pelajar juga diberi latihan untuk menyediakan laporan berasaskan kajian kes.</p>
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Gittinger. J P. Economic Analysis of Agriculture Projects, John Hopkins for the world Bank 1997 2. Austin. J. E. Agro Industrial Project Analysis of John Hopkins for EDI Series in Economic Development., World Bank 1981 3. Barry C.E Agricultural Finance, New York Interstate Press 1988 4. Ahmad Mahdzan Ayob Perancangan dan penilaian projek Pembangunan, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia 1989 5. Abu Hassan Md Isa, Kaedah Penilaian Projek Satu Pengenalan, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur. Malaysia 1985.
Kemahiran Insaniah	<p>CS1, CS2, CS3, CS4, CS5, CS6, CS7, CS8 CT1, CT2, CT3, CT4, CT5, CT6, CT7 TS1, TS2, TS3, TS4, TS5 LL1, LL2 KK1, EM1, EM2 LS1, LS2</p>
Kaedah Penilaian	<p>Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%</p>

EIC3003 3 Kredit	PEMBANGUNAN MAPAN DAN EKONOMI HIJAU
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat: 1) mengenal pasti konsep pembangunan mapan; 2) menerangkan hubungan antara pembangunan dan alam sekitar; dan 3) menilai strategi pengurusan yang bersesuaian dalam menyelesaikan masalah pembangunan mapan.
Sinopsis	Kursus ini membentangkan konsep dan isu pembangunan mapan. Ia memberi tumpuan kepada hubungkait antara pembangunan ekonomi dan kesannya kepada alam sekitar serta pendekatan pengurusan untuk menjamin pembangunan mapan. Aspek pengurusan alam sekitar di Malaysia dalam memastikan pembangunan mapan turut dibincangkan.
Rujukan	<p>Buku :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Newton, Adrian C. & Cantarello, Elena (2014), <i>An Introduction to the Green Economy: Science, Systems and Sustainability</i>, Routledge, London & New York. ISBN-13: 978-0415711616 ISBN-10: 0415711614 2. Barbier, Edward B. & Markandya, Anil (2013), <i>A New Blueprint for a Green Economy</i>, Routledge, ISBN-13: 978-1849713535 ISBN-10: 1849713537 3. Sachs, Jeffrey D. (2015), <i>The Age of Sustainable Development</i>, Columbia University Press. ISBN-10: 0231173156 ISBN-13: 978-0231173155 4. Pegels, Anna (Editor) (2014), <i>Green Industrial Policy in Emerging Countries</i>, Routledge ISBN-13: 978-0415870672 ISBN-10: 0415870674 5. Vazquez-Brust, Diego A. & Sarkis, Joseph (Editors), (2012), <i>Green Growth: Managing the Transition to a Sustainable Economy: Learning By Doing in East Asia and Europe</i>, Springer, New York & London. ISBN-13: 978-9400744165 ISBN-10: 9400744161 6. Hsu, Sara & Perry, Nathan (2014), <i>Lessons in Sustainable Development from Malaysia and Indonesia</i>, Palgrave Pivot. ISBN-13: 978-1137353078 ISBN-10: 1137353074 <p>Laporan :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. United Nations Environment Programme (2011), <i>Towards Green Economy: Pathways to Sustainable Development and Poverty Eradication</i>. Available at: http://www.unep.org/greeneconomy/Portals/88/documents/ger/ger_final_dec_2011/Green%20EconomyReport_Final_Dec2011.pdf 2. UN-DESA, UNEP & UNCTAD (2011), <i>The Transition to a Green Economy: Benefits, Challenges and Risks from a Sustainable Development Perspective</i>. Available at: http://www.unep.org/greeneconomy/Portals/88/documents/research_products/UN-DESA.%20UNCTAD%20Transition%20GE.pdf 3. World Bank Report (2012a), <i>Inclusive Green Growth: The Pathway to Sustainable Development</i>, Available at: https://openknowledge.worldbank.org/bitstream/handle/10986/6058/9780821395516.pdf?sequence=1 4. World Bank Report (2012b), <i>Green Infrastructure Finance</i>, Available at: http://www10.iadb.org/intal/intalcdi/pe/2012/10331.pdf
Kemahiran Insaniah	CS1, CS2, CS3, CS4, CS5, CS6 CT1, CT2, CT3 TS1, TS2, TS3, TS4, TS5 LL1, LL2 EM1, EM2
Kaedah Penilaian	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%

EIC3004 3 Kredit	PEMBANGUNAN KOPERASI
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat: 1) menerangkan falsafah dan konsep koperasi; 2) menjelaskan prinsip koperasi; 3) menerangkan struktur pentadbiran dan pengurusan koperasi; dan 4) menganalisis kepentingan dan peranan koperasi dalam pembangunan negara.
Sinopsis	Kursus ini membincangkan konsep, falsafah, definisi, prinsip-prinsip, pentadbiran, pengurusan dan kewangan koperasi. Ia juga membincangkan perkembangan, peluang, cabaran dan peranan koperasi di dalam ekonomi. Kursus ini memberi fokus kepada pembangunan, perundangan dan perniagaan koperasi.
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Zeuli, K.A. and Cropp., R (2004). Cooperatives: Principles and practices in the 21st Century. University of Wisconsin-Extension. http://learningstore.uwex.edu/assets/pdfs/A1457.PDF 2. Birchall, J. and Ketilson, L.H. (2009). Resilience of the cooperative business models in times of crisis. International Labour Organization. 3. Birchall, J. (2003). Rediscovering the cooperative advantage: Poverty reduction through self-help. International Labour Organization. 4. Idris Ismail, Mohd. Safaai Said. (2003). Pengenalan kepada koperasi. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.r.
Kemahiran Insaniah	CS1, CS2, CS3 CT1, CT2, CT3 TS1, TS2 KK1
Kaedah Penilaian	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%

EIC3005 3 Kredit	PEMBANGUNAN PERTANIAN
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Mengaitkan kepentingan pembangunan pertanian dalam konteks pembangunan negara; 2) Menganalisis kesan transformasi sektor pertanian kepada pertumbuhan ekonomi; dan 3) Menilai hubungkait sektor pertanian dengan lain-lain sektor dalam ekonomi.
Sinopsis	<p>Kursus ini membincangkan kepentingan pembangunan pertanian dalam proses pembangunan negara. Kefahaman menyeluruh mengenai pembangunan pertanian memerlukan tiga komponen yang saling berkaitan: sumbangan pertanian terhadap keseluruhan pembangunan ekonomi negara, keadaan ekonomi mengenai pertanian tradisional, dan perubahan ekonomi ekoran modenisasi pertanian. Ketiga-tiga komponen ini merangkumi objektif pembangunan pertanian yang menjadi asas kepada proses pembangunan dan perubahan yang diperlukan untuk mencapai pembangunan negara.</p>
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. World Bank (2005). Agricultural Growth for the poor: an agenda for development. World Bank Publications. 2. Mohamed Behnassi, Shabbir A. Shahid and Joyce D'Silva (Eds.). (2014). Sustainable Agricultural Development: Recent approaches in resources management and environmentally-balance production enhancement. Netherlands: Springer. 3. Thompson, P (Eds.). (2014). The ethics of intensification: agricultural development and cultural change. Netherlands: Springer. 4. Wu, F and Butz, W. (2004). Future of genetically modified crops: lessons from the green revolution. Santa Monica, CA: Rand Corporation. 5. Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015. (2010). Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi, JPM.
Kemahiran Insaniah	<p>CS1, CS2, CS3, CS4, CS5 CT1, CT2, CT3 TS1, TS2 LL1, LL2, LL3 EM1, EM2 LS1, LS2</p>
Kaedah Penilaian	<p>Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%</p>

EIC3006 3 Kredit	EKONOMI TANAH
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengaitkan kepentingan tanah sebagai satu sumber alam yang penting dalam pembangunan ekonomi negara; 2. Menganalisis tentang permintaan dan penawaran terhadap sumber tanah serta hubungkaitnya dengan sumber lain; dan 3. Meneliti masalah, cabaran serta prospek berkaitan isu gunatanah dalam pembangunan ekonomi.
Sinopsis	Kursus ini membincangkan mengenai tanah sebagai satu sumber pengeluaran yang amat penting. Perbincangan akan tertumpu kepada permintaan dan penawaran tanah, hubungkait sumber tanah dengan input-output yang berkaitan, membuat keputusan dalam penggunaan sumber tanah, serta peranan kerajaan dalam membuat dasar yang berkaitan dengan gunatanah.
Rujukan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Barlowe, Raleigh. 1986. Land Resource Economics: The Economics of Real Estate. 4th ed. Englewood Cliffs, New Jersey, Prentice-Hall, Inc. 2. Doving, Folk. 1987. Land Economics. University of Illinois-Urbana, Boston, Massachusetts: Breton Publishers. 3. Barry, P. et al. 1983. Financial Management in Agriculture, Danville, Illinois: The Interstate Printers & Publishers, Inc. 4. National Land Code, 1992. International Law Book Service: Kuala Lumpur.
Kemahiran Insaniah	CS1, CS2, CS3, CS4 CT1, CT2, CT3 TS1, TS2 LL1, LL2 EM1, EM2 LS1, LS2
Kaedah Penilaian	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%

EIC3007 3 Kredit	GLOBALISASI DAN PEMBANGUNAN INKLUSIF
Pra-syarat	Tiada
Hasil Pembelajaran	<p>Apabila tamat kursus ini, pelajar dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) mengenalpasti pelbagai konsep pembangunan, globalisasi dan polisi inklusif 2) menganalisis isu dan masalah pembangunan, khususnya dalam konteks globalisasi 3) mencadangkan langkah penyelesaian bagi memupuk pembangunan yang lebih inklusif
